Jilid II
Bil. 42

Hari Jumaat
19hb Januari, 1973

# PENYATA RASMI
## OFFICIAL REPORT

## DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KETIGA
*Third Parliament*

## PENGGAL PARLIMEN KEDUA
*Second Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5223]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**
- **Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:**
  - **Jawatankuasa—**
  - **Jadual—**
    - **Kepala B. 16 [Ruangan 5242]**
    - **Kepala B. 17 dan B. 18 [Ruangan 5292]**
    - **Kepala B. 19 [Ruangan 5312]**

**USUL-USUL:**
- **Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5234]**
  - **Anggaran Pembangunan, 1973:**
    - **Kepala P. 16 [Ruangan 5242]**
    - **Kepala P. 17 dan P. 18 [Ruangan 5292]**
    - **Kepala P. 19 [Ruangan 5312]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 19hb Januari, 1973

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

" Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. S.P.M.J. (Pontian Utara).

" Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

" Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

" Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

" Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ DATUK HAJI ABDULRAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CIKGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

" TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

" TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

" TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

" TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

" TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

" TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

" TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

" TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

" TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

" DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).

" TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

" TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

" TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

" TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

" TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

" TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

" TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

" TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

" TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

" TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

" DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

" TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

" TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

" TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

" TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

" TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

" WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

" TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M., J.P. (Perlis Selatan).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

" TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

" TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

" RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVERATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, K.M.N., P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

„ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

„ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

„ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

" TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

" TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

" DR LIM CHONG EU (Tanjong).

" DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

" TUAN LUHAT WAN (Baram).

" TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

" TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

" TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

" DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

" TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

" TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

" TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

" DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

" DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

" TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

" PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

" DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).

" DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

" TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

# DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## KEJADIAN JENAYAH

1. **Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa nampaknya bertambah-tambah banyak kejadian jenayah dalam masa beberapa bulan yang lepas. Adakah beliau juga sedar bahawa banyak kejadian-kejadian menculik gadis-gadis untuk tujuan-tujuan lucah.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua,

(*a*) Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu sangatlah umum. Adalah sukar bagi saya hendak menjelaskan samada kejadian itu benar atau tidak oleh sebab beliau tidak menyatakan masa yang tertentu bagi membuat penyiasatan.

(*b*) Setahu saya pihak Polis tiada menerima lapuran berkenaan dengan kejadikan-kejadian penculikan gadis untuk tujuan lucah. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui baik dari segi pengalamannya sendiri ataupun dengan maklumat yang tertentu ada kejadian seperti itu berlaku, silalah mengemukakan maklumat-maklumat ke Kementerian saya atau pihak Polis untuk disiasat. Dan saya beri jaminan iaitu jikalau dengan pengalaman Ahli Yang Berhormat sendiri kita akan rahsiakan.

## HUTANG-HUTANG NEGARA

2. **Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan memberikan jumlah hutang-hutang negara pada akhir tahun 1972. Sila berikan angka pecahan bagi (*a*) hutang asing; dan (*b*) hutang dalam negeri.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, jumlah hutang negara sehingga 31-10-1972 ialah $6,795 juta. Pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| (*a*) Hutang Asing ... | $1,313 juta |
| (*b*) Hutan Dalam Negeri | $5,482 juta |

**Tuan Hor Cheok Foon:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu mengikut rancangan beliau hutang-hutang tersebut akan dinaikkan atau diturunkan?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Minta buah fikiran tidak dibenarkan.

## PINJAMAN LUAR/HUTANG DALAM NEGERI

3. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kewangan memberikan (*a*) pinjaman-pinjaman luar negeri dan (*b*) hutang dalam negeri yang kita perolehi dalam tahun 1972 setakat ini.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua,

(*a*) Pinjaman-pinjaman luar negeri yang diperolehi dalam tahun 1972 sehingga ini ialah $265 juta.

(*b*) Hutang dalam negeri yang diperolehi dalam tahun 1972 sehingga ini ialah $630 juta.

## PERAJURIT WAHIT BIN ABU— BANTUAN

4. **Dr Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan mengapa bantuan kepada bekas Perajurit, Wahit bin Abu, sebagaimana yang dilapurkan oleh *Strait Times* keluaran 10hb November, 1972, lambat diberi dan apakah jenis bantuan yang telah diberikan kepada beliau.

**Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim):** Tuan Yang di Pertua, tidak ada kelewatan dalam pemberian bantuan am kepada bekas perajurit Wahit bin Abu. Kesnya dikendali oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Melaka sejak bulan Mei tahun 1971 pada masa Jabatan itu memulakan Bantuan Am sebanyak $25.00 sebulan. Tujuan bantuan am tersebut ialah untuk menambahkan pendapatan Wahit dari perbuatan tudung saji dan juga hasil sebanyak 200 gantang beras yang isterinya dapat dari kerja sawah.

Apabila kedudukan ekonomi Wahit telah merosot oleh kerana jualan tudung sajinya kurang laku dan juga oleh kerana beliau telah menghabiskan wang saguhati yang berjumlah $2,000 daripada Kementerian Pertahanan, Jabatan Kebajikan Am, Melaka

menambahkan bantuan amnya dengan bekalan makanan untuk Hariraya Puasa. Kemudiannya setelah berunding dengan Wahit tentang rancangan Pemulihan yang sesuai tindakan-tindakan yang menggunakan rancangan Kebajikan Masyarakat Kerajaan Pusat dan juga Rancangan Kerajaan Negeri telah dan akan diambil iaitu:

1. *Untuk sara hidup harian:* Bantuan penyaraan kanak-kanak sebanyak $75 sebulan mulai November, 1972 (Rancangan Kerajaan Pusat).
2. Kementerian Pertahanan telah memberi saraan seumur hidup sebanyak $162 sebulan mulai daripada bulan Januari 1973 dan oleh yang demikian pembayaran elaun keluarga daripada Kementerian Kebajikan Am akan dikaji semula sekarang.
3. *Untuk persekolahan anak-anaknya:* Bantuan buku-buku teks secara sekali gos menjelang tahun 1973 sebanyak $75.00. Bantuan pakaian seragam bernilai $30.00 untuk empat orang anak Wahit yang di bangku sekolah rendah (Rancangan Kerajaan Negeri).
4. *Untuk pemulihan penama berjangka panjang:*
   (*a*) Pemeriksaan perubatan yang teliti terutamanya di atas kaki kirinya yang baru-baru ini boleh bergerak sedikit.
   (*b*) Latihan pemulihan di dalam Kemahiran Jahitan di Pusat Pemulihan Orang Cacat Anggota di Cheras, Selangor.
5. Setelah tamat dengan jayanya latihan ini bantuan pelancaran boleh ditimbangkan untuk melancarkan Wahit di dalam pekerjaan sendiri (Rancangan Kerajaan Pusat).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri Kebajikan Am, adakah lain-lain kes seperti ini, jika ada, berapa kes semuanya?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Soalan itu tak bersangkut dengan soalan yang asal.

## PEKERJA SISTEM KONTEREK—FAEDAH-FAEDAH

**5. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja yang bekerja di bawah sistem kontrek selalunya tidak mendapat hak-hak pekerja seperti E.P.F., cuti umum dan kemudahan-kemudahan waktu sakit.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di Pertua, semua pekerja-pekerja termasuk pekerja yang diambil bekerja oleh kontrektor-kontrektor adalah diliputi oleh Undang-undang Buruh yang mana mereka berhak mendapat faedah-faedah berkanun yang dibekalkan oleh undang-undang. Kementerian saya dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang buruh ini dari semasa kesemasa mendapati ada majikan termasuk kontrektor-kontrektor yang tidak mematuhi undang-undang. Bagi semua kes, tindakan sewajarnya diambil bagi menentukan supaya pekerja-pekerja berkenaan diberi faedah-faedah yang mereka berhak mendapatnya.

## PENGKALAN BARU FERI

**6. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada kerja-kerja telah dimulakan untuk hujungan-hujungan baru feri yang dicadangkan di Pulau Pinang dan Tanah Besar Seberang Pulau itu.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, keputusan mengenai tawaran bagi pembinaan projek ini akan dibuat pada pertengahan bulan Februari, 1973. Kerja-kerjanya akan dimulakan pada pertengahan bulan Mac, 1973 dan akan siap di dalam masa kira-kira 20 bulan. Perkhidmatan feri-feri tambahan untuk kenderaan akan mula berjalan pada bulan Januari tahun 1975.

## WANITA-WANITA SEBAGAI JURI

**7. Tuan Chan Fu King** minta Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang untuk membenarkan wanita-wanita berkhidmat sebagai Juri.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, soal ini telah pun dijawab pada 18hb Disember, 1972 oleh Yang Berhormat Peguam Negara dan saya merujukkan kepada jawapan itu.

## SISTEM QUOTA PENGAMBILAN PEKERJA

8. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Peguam Negara menyatakan samada beliau bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap pemuda-pemuda M.C.A. yang menggesa Kerajaan meminda sistem quota dalam pengambilan pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan kerana perkara ini berlawanan dengan Perkara 153 Perlembagaan dan jika tidak, mengapa.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan kenyataan yang dikatakan itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tiada apa-apa lapuran pulis nampaknya yang telah dibuat oleh sesiapa pun dan sebutan mengenainya hanyalah apa yang terkandung dalam ulasan-ulasan yang dilapurkan dalam akhbar-akhbar tertentu. Pendakwa Raya tidak dapat memberi pertimbangan untuk mengambil apa-apa tindakan melainkan jika ia mendapat kenyataan sebenar yang dikatakan telah dibuat itu. Bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat bolehlah diberi jaminan bahawa jika mana-mana orang atau mana-mana parti politik melanggar mana-mana undang-undang termasuk Akta Asutan, Pendakwa Raya tidak akan teragu-ragu untuk mengambil tindakan sepatutnya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Kalau saya boleh bawa memorandum berkenaan perkara ini, apakah langkah-langkah akan diambil oleh Peguam Negara?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ini "kalau" tak boleh jadi dalam pertanyaan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Baik, soalan tambahan lagi. Bolehkah Peguam Negara membawa masaalah seperti ini bagi timbangan Persidangan Majlis Raja-Raja?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak berkait dengan Persidangan Majlis Raja-Raja.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Bolehkah soalan-soalan seperti ini menghasut perlawanan antara M.C.A. dan UMNO?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Tak bersangkut dengan soalan asal.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di Pertua, . . . . . . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Tak boleh, merugikan masa Dewan, sebab soalan Ahli Yang Berhormat tak tentu-hala, saya tak boleh benarkan.

## PETANI-PETANI PADI BUKIT—MEMBANTU

9. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah dasar Kerajaan bagi membantu petani-petani padi bukit supaya mencukupi dalam penanaman padi mereka.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di Pertua, tanaman padi bukit tidak boleh memenuhi keperluan makanan. Walaupun begitu Kerajaan tiada menghalang tanaman padi bukit atau padi huma untuk makanan sendiri tetapi pendapatan daripadanya adalah kurang daripada padi bendang.

Oleh itu ada Kerajaan Negeri Sarawak memberi bantuan baja "Ammophos" di kawasan yang hanya sesuai untuk padi bukit sebanyak satu kampet (10 lb) bagi tiap-tiap satu ekar untuk digaul dengan benih sebelum ditugal. Tambahan hasilnya dianggar sebanyak 20 hingga 30% dengan penggunaan baja yang tersebut.

Dengan hal yang demikian itu dasar Kementerian ini ialah untuk memajukan kawasan-kawasan bendang dengan kemudahan bekalan air bagi tanaman dua musim dengan jenis-jenis padi yang tinggi hasilnya bagi mencapai keperluan yang penuh.

## PENGGUNAAN SODA API BERLEBIHAN

10. **Tuan V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(i) samada beliau sedar bahawa Syarikat Indian Malaysian Textiles Bhd., Butterworth menggunakan lebih daripada 400,000 paun soda api di dalam setahun; dan

(ii) memandangkan bahawa soda api ini tiba di dalam tong-tong dan tidak disimpan di dalam setor yang berkunci, samada beliau akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya ianya disimpan dengan segala langkah keselamatan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua,

(i) Syarikat Indian Malaysian Textiles Bhd. telah diberi lesen-lesen pada 7hb Januari, 1972, untuk mengimpot 400,000 paun soda api oleh Jabatan Kesihatan, Pulau Pinang dan hingga tarikh ini Syarikat hanya mengimpot 156,200 paun sahaja.

(ii) Tempat menyimpan atau setor yang disediakan telah mengikuti kehendak-kehendak Jabatan Kesihatan.

## BAU BUSUK DI KAWASAN BENTENG

**11. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) bertanya kepada Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan samada beliau sedar tentang keadaan bau busuk di Benteng sebab kerja-kerja mencuci disitu tidak dijalankan dengan teliti. Adakah beliau juga sedar iaitu tikus-tikus bertambah banyak dengan cepatnya di benteng-benteng dan di longkang-longkang di sekitar Benteng.

**Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di Pertua, Dewan Bandaraya memang sedar bahawa adanya bau busuk di kawasan Benteng dan segala usaha dan tindakan telah diambil untuk menghilangkan bau tersebut tetapi buat masa ini kerja-kerja itu tidak dapat dibuat dengan berjaya sepenuhnya kerana air-air kotor yang dibuang oleh penjaja-penjaja adalah meresap di jalanraya di situ. Sapah-sampah serta lain-lain kekotoran memang dibersihkan tiap-tiap hari dan longkang-longkangnya juga dibersihkan tiap-tiap hari. Tong-tong sampah telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya tetapi, walaupun selepas beberapa kali diberi amaran, penjaja-penjaja di situ masih belum mahu menggunakan tong-tong tersebut malah membuang sampah di merata-rata tempat sesuka hati mereka. Paip-paip tambahan akan dipasangkan di situ tidak lama lagi untuk membersihkan kawasan itu dan Pasukan Bomba Bandaraya ditugaskan mencuci kawasan itu dua kali seminggu.

Dewan Bandaraya juga sedar adanya tikus-tikus dalam kawasan itu. Ini adalah disebabkan lebih-lebih barang makanan yang dibuang oleh penjaja-penjaja di situ dan ini akan membiakkan lagi tikus-tikus. Tindakan tegas telah pun diambil dan akan terus dijalankan supaya kawasan tersebut dapat dibasmikan dari gangguan tikus. Perangkap-perangkap telah digunakan siang dan malam dan dengan itu menggunakan perangkap tikus dan racun tikus. Akibatnya sebanyak 300 ekor tikus telah ditangkap dan dimusnahkan tiap-tiap bulan disepanjang tebing sungai di kawasan tersebut. Dalam bulan Oktober sahaja umpamanya 629 ekor tikus telah ditangkap.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Di Kementerian Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan ada berapa "special officers" yang menangkap tikus-tikus sahaja,

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, ini bukan dari Kementerian Teknoloji. Ini dari Dewan Bandaraya. Memang ada kakitangan-kakitangan yang tugasnya menangkap tikus sehari-hari.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tadi Menteri telah menerangkan tikus-tikus yang telah mati itu digunkan racun-racun. Bolehkah saya tahu, apakah racun-racun yang dipakai?

**Datuk Ong Kee Hui:** Perkara ini, kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu sebenarnya, saya boleh berikan nama-nama ubat itu supaya Ahli Yang Berhormat dapat menggunakannya.

## PULAU TIOMAN—KEMUDAHAN PENGANGKUTAN

**12. Tuan Ng Hoe Hun** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada beliau sedar tentang masa lebih kurang 4 jam perjalanan ke Pulau Tioman dengan bot. Jika Pulau Tioman hendak dijadikan Pusat Pelancungan adakah Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan perkhidmatan "hydrofoil"nya sendiri atau bekerjasama dengan sektor-sektor persendirian untuk mempercepatkan perjalanan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, saya sedar tentang kesulitan pengangkutan yang dihadapi untuk melawat ke Pulau Tioman dan saya bersetuju dengan syor Ahli Yang Berhormat supaya kemudahan pengangkutan yang lebih baik hendaklah diadakan untuk memudahkan pelancung-pelancung pergi ke Pulau Tioman. Kemajuan Pulau Tioman sebagai pusat pelancungan sekarang ini sedang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Kamajuan Pulau ini tidak syak lagi akan meliputi soal pengangkutan.

## AMALAN PERKAHWINAN

13. **Tuan Lim Cho Hock** minta Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan memperkenankan amalan perkahwinan tidak lebih dari satu di kalangan orang-orang bukan Islam, jika ya, bilakah undang-undang bagi melaksanakannya akan dikemukakan oleh Kerajaan.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah mengemukakan untuk Bacaan Kali Pertama dalam Parlimen ini, Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) yang membuat peruntukan berkenaan dengan perkahwinan-perkahwinan monogami dan upacara dan pendaftaran perkahwinan-perkahwinan itu dan meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perceraian.

## BARANG-BARANG KELUARAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS

14. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan:

(i) jumlah nilai barang-barang yang dikeluarkan di semua Kawasan-Kawasan Perdagangan Bebas Pulau Pinang dalam tahun 1972; dan

(ii) jumlah orang-orang yang diberi pekerjaan di semua Kawasan-Kawasan Perdagangan Bebas di Pulau Pinang sebagaimana pada 1hb Oktober, 1972.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua,

(i) Jumlah nilai barang-barang yang dikeluarkan oleh satu-satu syarikat mengikut kebiasaannya tiadalah dapat diperolehi sehinggalah syarikat itu telah menutup kira-kiranya. Oleh kerana syarikat-syarikat yang tertubuh di Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas baru sahaja menjalankan kegiatan mereka adalah sukar untuk membuat anggaran yang sempurna atas pengeluarannya.

(ii) Pada 30-9-1972, jumlah pekerjaan di Kawasan Perdagangan Bebas di Bayan Lepas ialah 2,159 orang dan jumlah pekerjaan di Kawasan Perdagangan Bebas Pelabuhan Prai ialah 448 orang.

## SODA API—KEKOTORAN SUNGAI PRAI

15. **Tuan V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Sungai Prai telah menjadi kotor oleh soda api yang disalurkan dari Syarikat Indian Malaysian Textiles Berhad, Butterworth, jika ya, apa tindakan yang beliau telah ambil untuk mengatasi kekotoran ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soda api yang telah digunakan itu adalah digunakan balik semula seterusnya. Oleh itu hanya sedikit sahaja jumlah soda api yang mengalir ke dalam Sungai Prai. Kekotoran dari kilang itu adalah dineutralkan oleh bahan buangan asid (acid wastes) dan adalah juga dicairkan dengan 6,000,000 gelen air yang digunakan pada tiap-tiap hari di dalam proses tersebut. Jabatan Kesihatan adalah sentiasa mengawas dengan rapi kilang itu.

## PENUNTUT-PENUNTUT ALIRAN SAINS DI UNIVERSITI/KOLEJ

16. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Pelajaran memberikan jumlah bilangan penuntut-penuntut aliran sains di universiti-universiti dan kolej-kolej di negara ini berbanding dengan jumlah bilangan penuntut-penuntut di universiti-universiti dan kolej-kolej di negara ini.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, jumlah bilangan penuntut-penuntut yang mengikuti aliran sains di universiti-universiti dan kolej-kolej di negara ini ialah seramai 6,147 orang berbanding dengan jumlah bilangan penuntut-penuntut di universiti-universiti dan kolej-kolej yang seramai 12,754 orang.

## PEKEBUN-PEKEBUN KECIL—MENYATUKAN

17. **Tuan Hor Cheok Foon** bertanya kepada Menteri Perusahaan Utama adakah beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menyatukan pekebun-pekebun kecil untuk menjadikan sebuah ladang perkumpulan yang besar sebagai satu langkah yang berkesan untuk melawan harga getah yang rendah.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat maklum daripada kenyataan yang saya telah keluarkan di dalam suratkhabar memanglah ada rancangan untuk menyatukan pekebun-pekebun kecil untuk menjadikan sebuah ladang yang besar sebagai satu langkah untuk mengatasi masaalah pekebun kecil dan juga untuk mengatasi kerumitan berkenaan dengan kejatuhan harga getah. Sebagai langkah yang pertama Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah badan yang bernama Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). RISDA akan menjalankan tugas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan persiapan sedang dibuat oleh Kementerian saya untuk melancarkan rancangan-rancangan tertentu. Dengan umumnya rancangan ini akan mengandungi pembukaan tanah baru.

## UNIVERSITI DI SARAWAK—MENUBUHKAN

**18. Tuan Pengarah Rahun anak Debak** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan Pusat akan menubuhkan sebuah Universiti di Sarawak.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini Kerajaan belum lagi ada rancangan untuk menubuhkan sebuah Universiti di Sarawak.

Adalah difikirkan bahawa Universiti-Universiti yang ada sekarang di Malaysia Barat, iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknoloji Kebangsaan akan dapat menampong tempat-tempat bagi pelajaran tinggi untuk penuntut-penuntut di negara ini, termasuk penuntut-penuntut daripada Malaysia Timur.

**Tuan Awang Bungsu bin Abdullah:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran memberitahu samada betul atau tidak bahawa Kerajaan Pusat telah bersetuju mendirikan sebuah kolej di Bakau dalam Bahagian Pertama di Sarawak seperti yang diterangkan oleh Kerajaan Negeri dalam dua minggu yang lepas?

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, soalan ini ialah mengenai universiti, bukan kolej.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Soalan ini ada bersangkut sedikit, kalau hendak jawab, boleh jawab; kalau tidak, tak mengapa.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Saya rasa, perkara ini akan saya terangkan dalam menyampaikan ucapan Anggaran Perbelanjaan kelak.

## RIWAYAT HIDUP PERDANA MENTERI

**19. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan bilangan nashkah riwayat hidup YAB Perdana Menteri yang telah dibahagi-bahagikan kepada rakyat negeri-negeri yang telah dilawati oleh beliau baru-baru ini, dan berapakah perbelanjaan menyediakan risalat-risalat itu, serta mengapakah perlu risalat-risalat seperti itu di edarkan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, sejumlah 25,000 nashkah telah dicetak dengan harga $12,555 mengikut tawaran. Buku kecil ini mengandungi bukan sahaja Riwayat Hidup Perdana Menteri bahkan juga babak-babak yang menggambarkan perjuangan Negara kita menuju ke arah kemerdekaan dan juga daya usaha Rakyat dan Kerajaan membentuk satu masyarakat yang moden dan progresif. Gambar-gambar ini mendatangkan kesan yang baik kepada negara kita dalam hubungan antara Malaysia dengan negara-negara lain.

## BARANG-BARANG TANPA CUKAI

**20. Tuan Chan Yoon Onn** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan apakah langkah-langkah yang beliau telah ambil untuk membolehkan pelancung-pelancung membeli barang-barang yang tiada dikenakan cukai di negara kita.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, Perbadanan Kemajuan Pelancungan sedang mengkaji kemungkinan membuka kedai-kedai untuk menjual barang-barang tanpa cukai di beberapa pusat membeli belah yang terkemuka di dalam ataupun di sekitar Kuala Lumpur. Perbincangan-perbincangan akan diadakan dengan pehak-pehak yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan.

Kemudahan-kemudahan untuk membeli barang-barang tanpa cukai sudah pun ada di Lapangan Terbang Subang dan Bayan Lepas.

## PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA

21. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan kegiatan dan usaha-usaha yang telah dijalankan dan kejayaan yang telah tercapai setakat ini ke arah matlamat penyertaan Bumiputra dalam 30% daripada perniagaan dan perusahaan negeri ini dan berapa peratuskah telah tercapai dalam hal ini.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, dasar Kerajaan untuk mengujudkan 30% gulungan perdagangan dan perusahaan Bumiputra dalam masa 20 tahun adalah satu objektiv jangka panjang dan ia meliputi semua aktiviti-aktiviti ekonomi. Ini bukan hanya melibatkan perdagangan dan perindastrian sahaja tetapi termasuklah pengangkutan, pembinaan, perlombongan, sektor-sektor perkhidmatan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan sentiasa mengambil langkah sedaya yang boleh untuk memastikan supaya banyak lagi Bumiputra menyertai bidang perdagangan dan perindastrian sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Hampir semua projek perindastrian yang diluluskan oleh Kementerian saya adalah dikehendaki mempunyai penyertaan modal Bumiputra dan takat modal yang dikhaskan untuk Bumiputra boleh menjadi lebih daripada 50% sekiranya Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain ejensi yang ditubuh oleh Kerajaan mengambil bahagian. Lapuran-lapuran kajian kemungkinan perindastrian yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan adalah diedarkan dahulu kepada Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan ejensi-ejensi Melayu untuk membolehkan mereka menentukan mana-mana projek khas yang mereka berminat untuk melaksanakan.

Dalam lapangan perdagangan, di mana sesuai dan perlu, pekilang-pekilang baru diminta memberi pertimbangan yang wajar untuk melantik pertubuhan-pertubuhan Bumiputra (termasuk juga PERNAS) untuk membahagi-bahagikan barang keluaran mereka. Kementerian saya juga memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga Bumiputra yang menghadapi kesulitan mendapatkan bekalan-bekalan barang yang mereka niagakan dan di samping itu Kementerian juga memberi setiap galakan terutamanya kepada pengguna-pengguna indastri untuk mendapatkan keperluan barang-barang dan perkhidmatan melalui atau daripada firma Bumiputra. Kementerian juga membantu mencarikan pasaran untuk barang-barang yang dikeluarkan oleh Bumiputra.

Oleh kerana pelaksanaan dasar ini masih di dalam peringkat awal, maka adalah sukar bagi saya untuk mengukor kejayaannya di masa sekarang.

**Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan menganggap bahawa pelaburan daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ataupun PERNAS itu ialah pelaburan daripada Bumiputra?

**Tuan Musa Hitam:** Jawabnya, ya.

## HARGA GULA MENTAH

22. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan memandang kepada anggapannya bahawa bekalan gula di pasaran dunia sudahpun mencukupi, samada Kerajaan bercadang hendak menurunkan harga gula dari 45 sen ke 40 sen sekati kerana semasa harga gula dinaikkan ke 45 sen, salah satu daripada sebab yang diberi oleh Menteri Kewangan ialah kekurangan gula di pasar dunia sebanyak dua ratus juta tan.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, semenjak bulan Julai, 1972 harga bulanan pukul rata gula mentah berdasarkan kepada London Daily Price telah menunjukkan aliran bertambah naik dan keadaan kenaikan yang demikian itu adalah dijangka akan berterusan. Kementerian Perdagangan dan Perindastrian adalah sentiasa mengkaji kedudukan harga gula mentah dalam pasaran dunia dan menimbangkan perubahan-perubahan itu untuk kepentingan harga gula tempatan. Kenaikan harga gula tempatan hanya dibenarkan apabila keadaan sangat memaksanya dan begitu juga harga gula tempatan akan diturunkan sekiranya keadaan membenarkannya.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya dalam seminggu dua yang lepas gula

tidak boleh dapat di mana-mana kedai di dalam Malaysia ini, lebih-lebih lagi di luar-luar bandar?

**Tuan Musa Hitam:** Mengikut lapuran yang ada di dalam tangan saya, dalam seminggu memanglah benar bahawa gula tidak boleh didapati oleh pengguna-pengguna. Tetapi boleh dikatakan dalam seminggu yang lepas termasuklah pada masa ini, mengikut lapuran yang ada di dalam tangan Kementerian, gula telah tiba ke tangan pengguna-pengguna di mana-mana juga dikehendaki oleh mereka.

**Tuan Abu Bakar bin Umur:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya, apakah sebab-sebabnya yang gula tidak boleh didapati?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, sebagaimana saya telah terangkan di dalam satu sidang akhbar lebih kurang dua minggu yang lepas, sebab-sebab yang didapati bahawa gula tidak tiba ke tangan pengguna-pengguna ialah bahawa beberapa pihak yang ada hubungan dengan penjualan ataupun perniagaan gula telah menyimpan gula ini oleh kerana sebab-sebab yang tertentu seperti agaknya untuk diharapkan oleh mereka bahawa ini akan memberi keuntungan.

**Tuan Valentine Cotter:** Tuan Yang di Pertua, baharu-baharu ini suratkhabar di Sarawak mengatakan gula Malaysia adalah cukup dan harga jualan tidak boleh lebih dari 50 sen pada satu kati. Tetapi saya tahu harga gula pada masa sekarang di Kuching naik sampai 55 sen hingga 60 sen pada satu kati. Apakah sebabnya harga gula ini masih naik dan adakah Menteri yang berkenaan sentiasa mengambil tindakan atas perkara gula ini?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya telah jelaskan dua minggu yang lepas bahawa harga gula di Sarawak dan Sabah bukan 40 sen tetapi 50 sen. Harga asalnya sebelum saya buat pengumuman ialah 55 sen. Jadi harga sudah pun turun kepada 50 sen daripada 55 sen. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mempunyai maklumat yang tertentu bahawa harga gula telah naik hingga 60 sen ataupun lebih, silalah berhubung dengan kami untuk memberi maklumat-maklumat yang lebih jelas supaya perkara ini akan disiasat dengan sertamerta.

## MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG

23. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian, memandang kepada matlamat Kerajaan hendak menghapuskan kemiskinan dan kesusahan di luar bandar menyatakan samada terdapat apa-apa cadangan untuk menurunkan harga barang-barang seperti gula, beras, susu tin, susu tepung, ikan kering, minyak kelapa dan lain-lain supaya memberi kesenangan hidup kepada orang-orang miskin dalam negeri ini.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sentiasa memerhatikan aliran harga barang-barang terutama sekali barang-barang pengguna yang mustahak seperti susu dan gula yang harganya dikaji dari masa ke semasa. Adalah tujuan Kerajaan untuk mengekalkan harga barang-barang pengguna yang mustahak pada takat harga yang paling rendah sekali.

Akan tetapi, kebolehan Kementerian untuk mengawas kenaikan harga adalah terhad di dalam keadaan di mana: (*a*) barang-barang keluaran tempatan adalah bergantung kepada bahan-bahan mentah yang diimpot yang harganya dipengaruhi oleh keadaan pengeluaran dan permintaan antarabangsa dan barang-barang yang mempunyai kandungan impot yang tinggi, seperti susu pekat, gula pasir, tepung, gandum dan sebagainya, (*b*) barang-barang yang dibekal pada keseluruhannya melalui impot seperti Ovaltine, Milo dan setengah daripada jenis susu tepung untuk kegunaan bayi dan (*c*) bekalan dan permintaan untuk sesuatu barang itu adalah bermusim seperti telor, ikan bilis, gula merah dan sebagainya.

Tertaklok kepada faktor-faktor ini, Kementerin tidak membenarkan kenaikan harga melainkan dengan sebab-sebab yang menasabah dan mendesak. Sekiranya kenaikan harga itu tidak dapat dielakkan, hanya kadar yang minima dibenarkan setelah menentukan kadar maxima kenaikan kos yang dapat ditanggung oleh pengusaha-pengusaha sendiri dan implikasi kenaikan itu kepada pengguna-pengguna.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita lihat pada saat-saat yang akhir ini kenaikan harga barang-barang adalah bertali-menali antara satu perkara ke satu perkara. Sesudah barang A naik, B pula

naik selepas itu C pula naik. Adakah ini satu cara yang sengaja diadakan oleh pihak penguasa dalam perniagaan bagi memburukkan imej Kerajaan Malaysia menjelang adanya Kerajaan Campuran di saat-saat yang akhir ini?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi sebab-sebabnya kenaikan harga barang-barang di dalam negara kita ini ialah tiga perkara yang telah saya jelaskan, samada pengeluar-pengeluar ataupun mereka yang bertanggungjawab menjual barang-barang ini ada sesuatu muslihat yang lain, tolonglah berhubung dengan mereka dan bertanya.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Mengikut dasar Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua ialah menghapuskan kemiskinan rakyat iaitu rakyat yang tidak berada. Jikalau Kerajaan tidak ingin menurunkan harga-harga barang yang tersebut dalam soalan ini, cara manakah Kerajaan boleh menghapuskan kemiskinan rakyat itu?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, tidak benar sekiranya Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan tidak ingin menurunkan harga-harga ini. Tetapi saya telah sebutkan sebab-sebab harga itu naik dan Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tegas dan tertentu apabila di dapati bahawa kenaikan harga-harga ini tidak ada sebab-sebab yang boleh diterima. Dari segi untuk menjaga kepenting rakyat yang tidak berada dan menghapuskan kemiskinan, sebab itulah Kerajaan telah mengadakan undang-undang dan juga perlaksanaan penguatkuasa di kalangan penjual-penjual di dalam negara ini supaya rakyat jelata akan dapat membeli barang-barang dengan harga yang berpatutan di seluruh negara kita.

**Tuan Hashim bin Gera:** Sebagaimana penerangan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, adakah Timbalan Menteri mengambil tindakan bahawa gula tidak dinaikkan harganya di Malaysia Barat, tetapi secawan kopi "O" naik 20 sen, mengapa tidak diambil tindakan?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu akan memberi maklumat yang jelas dalam segi kenaikan harga minuman kopi, tetapi pada saat ini nampaknya lapuran-lapuran berlainan dari satu tempat kepada satu tempat dan saya dapat tahu daripada tuan-tuan punya kedai kopi bahawa ada yang hendak menaikkan, ada yang tidak hendak menaikkan. Tolong beri penjelasan kepada saya atas maklumat, sekiranya ada.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian mengikut saya petang ini minum di kedai kopi (*Ketawa*) 20 sen harga secawan kopi "O".

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih, dan saya terima jemputan itu. (*Ketawa*).

## SURAT-SURAT BERISI BOM

**24. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perhubungan memberi lapuran tentang penyiasatan ke atas tuduhan yang menyatakan bahawa banyak surat-surat berisi bom yang dijumpai di beberapa bandar di dunia adalah berasal dari Malaysia.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, saya suka merujuk Ahli Yang Berhormat kepada jawapan-jawapan saya pada 8hb Disember, di Dewan yang mulai tahun sudah berhubung dengan soalan-soalan yang mengandungi perkara yang serupa dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi barangkali Ahli Yang Berhormat boleh jadi kedua-dua haribulan itu tidak ada di sini dan tahun itu tahun 1972 sekarang tahun 1973 biar saya ingatkan balik soalan yang jawabnya begini. Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam sidang Dewan ini dahulu, Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur telah mengesan sebanyak 16 pucuk surat yang berisi alat-alat letupan. Penyiasatan sedang diteruskan dan langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk menentukan bahawa kejadian sedemikian tidak akan berulang lagi, tetapi alhamdulillah bulan Disember sampai sekarang ini senyap sunyi, mudah-mudahan tidak jumpa lagi.

## HARGA PERBEKALAN AIR

**25. Dr A. Soorian** minta Menteri Perdagangan dan perindastrian menyatakan samada beliau sedar tentang harga perbekalan air yang tinggi dikenakan oleh J.K.R. kepada Kawasan Perusahaan Kemunting, ini akan

menghalau pelabur-pelabur dari situ. Kilang-kilang itu telah dikenakan $1.70 bagi tiap-tiap 1,000 gelan air, sama kadar dengan kegunaan di rumah-rumah kediaman. Sebaliknya kilang-kilang di Kawasan Perusahaan Tasek, Ipoh telah dibekalkan dengan air yang berharga di antara 20 sen—30 sen bagi tiap-tiap 1,000 gelan, bergantung kepada banyaknya air yang digunakan.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun diterangkan di dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat Encik Su Liang Yu pada 18-12-1972.

## BANK NEGARA—KEMALANGAN KENDERAAN

**26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah keselamatan yang telah diambil supaya kejadian pada 4hb Oktober, 1972 dalam mana kenderaan Bank Negara yang membawa 3 juta wang shilling telah terbalik itu tidak akan berulang lagi dan samada wang telah hilang dalam kejadian itu, jika ya, berapa banyaknya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, kejadian yang berlaku pada 4hb Oktober, 1972 adalah merupakan kemalangan kenderaan yang biasa. Adalah amat sukar bagi saya untuk mempastikan bahawa kemalangan kenderaan tidak akan berlaku lagi, tetapi walaubagaimanapun segala langkah keselamatan sedang diambil. Tidak ada apa-apa kehilangan wang telah berlaku akibat dari kemalangan itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan memberitahu, bagaimana pengawasan dijalankan ketika membawa wang-wang setiap masa samada dieskot oleh Polis ataupun bagaimana?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, itu terpulanglah kepada pentadbiran Bank Negara sendiri untuk mempastikan keselamatan.

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**(Usul)**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

## USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (18hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Kepala B. 16 dan P. 16—*

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi menyambung ucapan saya semalam anggaran kasar pelaburan modal dalam perusahaan perkilangan dalam negeri ini, modal yang ditanamkan oleh bukan warganegara kira-kira 60%, warganegara bukan Melayu 35%, Melayu 5%, modal asing ini mendapat keuntungan yang lumayan dan mereka mengangkut balik ke negeri mereka. Sedangkan

pekerja-pekerja yang mengusahakan perkilangannya itu daripada rakyat negeri ini diberi gaji yang tidak seimbang, ada kalanya kita dengar mereka dapat kurang daripada $1.50 sehari. Bila kita hendak membawa perkara ini kepada Kerajaan supaya dijadikan gaji buruh di Malaysia ini yang minima $4.00 sehari, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kata belum sampai masanya. Inilah, Tuan Pengerusi, yang menyusahkan rakyat negeri ini, keuntungan ini diambil oleh penanam-penanam modal ini, dan yang mengusahakan hendak menguntungkan dia.

Saya fikir, Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini tidak boleh Kerajaan membiarkan, Kerajaan patut mengkaji semula dalam masaalah penanaman pemodal-pemodal asing ini supaya dapat seimbang dinekmati oleh rakyat negeri ini khasnya bumiputra, dengan tujuan Kerajaan hendak melaksanakan.

Saya gemar memberikan satu sifir, Tuan Pengerusi, iaitu bukan warganegara yang 60% itu dikurangkan tinggal 45%, 15% diberikan kepada orang Melayu dan bumiputra, warganegara yang bukan Melayu 35% itu dikurangkan sehingga 25%, bakinya 10% diberikan kepada bumiputra. Masaalah ini boleh dibuat, bukan saya berkehendakkan dengan sekali gus, boleh dibuatkan berperingkat-peringkat. Dalam usaha ini saya gemar mengucapkan tahniah kepada sebuah syarikat tobacco di Kelantan yang telah memberi kilangnya kepada bumiputra.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, dalam masaalah penanaman modal asing ini dalam proses perusahaan negeri kita tidak terbatas dari segi pendapatan dan pekerjaan hendaklah kita dasarkan juga memberi sumbangan pengetahuan dalam proses pembangunan tempatan daripada negara-negara yang maju itu dan juga hendaklah kita awasi pelaburan modal ini jangan dibiarkan berleluasa kerana akibahnya kelak dasar ekonomi kita dan belanjawan kita dirancangkan oleh kuasa luar dan ini kalau menjadi, Tuan Pengerusi, akan menjejaskan kedaulatan kemerdekaan negara kita.

Tuan Pengerusi, dalam Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan muka 148, Kepala Pembangunan 16, Pecahan-kepala 8. Di antara tujuan Lembaga ini melapurkan kepada Kementerian tentang kemajuan serta masaalah-masaalah perusahaan Malaysia dan melaksanakan dan mengatasi apa-apa kesulitan yang dialami oleh Lembaga ini. Saya memandang, Tuan Pengerusi, Lembaga ini hendaklah meluaskan lagi usahanya dengan membuat lapuran kemajuan orang-orang Melayu dan bumiputra yang menyertai dalam semua activiti perdagangan dan perusahaan dan menunjukkan matalamat 30% dalam masa 20 tahun.

Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjawab tetapi saya fikir perkara ini patut saya diberikan satu gambaran supaya menguatkan usaha-usaha atau langkah Kerajaan dari masaalah ini. Pengkajian dan penyelidekan ini sayugia dibuat meliputi semua bidang perniagaan dan perusahaan dalam semua lapisan samada peringkat pusat, peringkat negeri, daerah dan kampung yang diusahakan oleh bumiputra. Masaalah ini harus diadakan jadual kemajuan pada tiap-tiap rancangan dan disemak dari semasa ke semasa. Kita tidak boleh mengharapkan dengan apa yang kita ishtiharkan sahaja, sebab bila kita harap Kerajaan juga akan mati tiarap, sebab masaalah ini tidak begitu senang, seorang ahli perniagaan hendak melepaskan keuntungannya kepada gulungan yang lain. Ini dasar perniagaan. Lembaga ini juga patut mendapat kerjasama daripada badan-badan separuh Kerajaan seperti perbadanan Kemajuan Negeri, MARA, UDA, FIMA dan lain-lain.

Dalam Perbadanan Kemajuan Pelancungan B 16. Gemar saya memberikan pandangan dalam secara rengkas iaitu saya harap Perbadanan ini memberi sokongan dan Kerjasama kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Johor bagi menjadikan tempat peranginan di Gunung Ledang supaya menambahkan lagi tempat pelancungan yang patut dikunjungi oleh pelancung-pelancung dari luar negeri. Masaalah ini, menurut himat saya sangat sesuai kerana keadaannya berhampiran dengan negeri Melaka dan di Selatan Malaysia Barat. Perkara yang semacam ini pernah juga saya kemukakan di dalam Dewan ini daya saya telah dapat jawapan daripada Menteri yang berkenaan tempuh hari, dia kata ini adalah masaalah Perbadanan Kemajuan Negeri Johor.

Tetapi bila kita kemukakan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Johor Kemajuan Negeri Johor, masaalah ini perkara-perkara yang dikehendaki adalah sangat ketat. Saya harap Lembaga Pelancungan ini akan memberi bantuan dan pertolongan kepada Lembaga yang saya sebutkan itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam muka 147—Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pechahan-kepala 4. Tujuan Pusat ini ialah memaju dan meninggikan taraf kemahiran pengurusan dan penilaian dikalangan swasta dalam negeri ini dan dari situ akan melahirkan buruh yang mahir dan natijahnya kelak pengeluaran barang-barang yang diusahakan oleh buruh-buruh ini akan tinggi mutunya. Oleh sebab Pusat ini berkehendakkan wang yang banyak dalam penyelenggaraannya tiap-tiap tahun oleh itu sekali lagi, saya mengsyorkan dengan bijaksana Kementerian ini meminta supaya pihak swasta dan firma dalam negeri dan ahli-ahli perniagaan membuat satu tabung derma kerana Pusat tersebut. Ini untuk membiayai dan membantu pengurusan tersebut.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di Pusat ini juga kita mahu juru latih yang berkelayakan yang ada mempunyai kursus yang mendalam, latihan yang mendalam, dan patut kita hantar jurulatih ini keluar negeri. Dengan keadaan ini kita akan dapat pelatih-pelatih yang keluar daripada tempat ini dengan pelatih yang tinggi darjahnya.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, tambahan pula satu kemajuan yang sedang dilaksanakan oleh Pusat ini mengadakan sekolah latihan hotel dan restoren bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Peluang ini saya fikir dialu-alukan oleh penduduk luar bandar khasnya bumiputra kerana selama ini bumiputra tidak dapat menyertai dalam bidang perhotelan, restoren dan pelancungan ini, Dengan ini, saya harap bahawa sekolah ini bila diwujudkan kelak akan mengambil belia belia dan beliawanis kita yang ada mempunyai bakat dalam masaalah ini dan saya percaya bahawa dalam masa yang tidak berapa lama lagi segala pentadbiran dan perusahaan hotel, restoren dalam negeri ini dapat dipenohi oleh bumiputra kita. Pada masa sekarang bumiputra kita bila berkehendakkan pekerjaan dalam firma ini di tolak mentah-mentah sebab kononnya mereka tidak ada pengetahuan, tidak ada pelajaran. Saya harap sekolah ini akan memberi satu dorongan yang baik kepada rakyat bumiputra pada perusahaan yang saya sebutkan itu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam Perdagangan Antarabangsa B. 16, semalam Yang Berhormat telah menyatakan 2 pusat pelaburan baru telah ditubuhkan iaitu di Amerika dan di Jepun, usaha untuk menggalakkan export barang buatan Malaysia yang sedang dipergiatkan tetapi menurut hemat saya tidak patutlah kita hanya mengadakan pusat ini pada negara-negara blok Eropah seperti Amerika kerana kita patut memikirkan bahawa kita patut mengadakan pusat ini di Eropah Timur. Sebab Kerajaan kita juga telah mengadakan perjanjian kerjasama, ekonomi dan kebudayaan seperti dengan Kerajaan Russia. Saya harap pusat ini supaya diadakan dalam kawasan Eropah Timur itu dan dengan ini supaya dapat negara-negara blok ini menanamkan modal dalam negeri ini, berusaha dengan ahli-ahli perniagaan dalam negeri ini, seperti Russia dia boleh membuat ampangan di kawasan Pantai Timur yang selalu dilanda banjir. Sebab, kalau usaha ini dibuat akan memberi menafaat kepada rakyat dan negara pada empat perkara:

(i) Menyekat banjir;

(ii) Air itu boleh digunakan untuk peladang-peladang yang berkehendakkan air;

(iii) Air ini dibendong disalurkan kepada pekan yang berhampiran dalam kawasan Pantai Timur;

(iv) Kita boleh gunakan air ini untuk electricity power bagaimana yang ada di Perak.

Saya gemar memberi contoh, Tuan Pengerusi, kalau di Indonesia Jati Lohor, satu ampangan yang besar dibuat bersama antara Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Peranchis, walau memakan masa beberapa tahun tetapi manafaatnya kepada rakyat di kawasan itu sampai sekarang berjalan dengan baik.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam pusat pelaburan ini, saya harap Kementerian ini akan memikirkan pandangan saya patut kita adakan di Hongkong, sebab kita mengadakan perhubungan secara langsung dengan Kerajaan Cina Kominis dan berjalan dengan baik dan saya minta dengan jasa Pernas supaya mengadakan satu perubahan baharu, perundingan baharu dengan Cina Kominis ini supaya Kerajaan Cina Kominis bersama-sama dengan Pernas menanamkan modal dalam negeri ini dengan mengadakan perusahaan kilang yang boleh memproses bahan mentah kita seperti getah dan juga kelapa sawit. Sebab dengan keadaan yang macam ini kalau kita dapat berniaga, kita dapat

bersama membuat kilang dalam negeri ini daripada negeri yang berbagai-bagai blok. Jadi kita tidak di monopoli oleh satu-satu kuasa.

Setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya berikan hujjah-hujjah saya dalam perkara Kementerian ini.

**Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dalam B. 16, Pecahan-kepala (Kod) 3300 (2) Bahagian Penguatkuasa di muka 146 dan P. 16 Pecahan-kepala 3, Kawasan-kawasan Perusahaan, muka 147.

Tuan Pengerusi, sebagai menyahut seruan Kerajaan supaya ramai bumiputra mengambil bahagian dalam bidang perusahaan dan perniagaan yang ketinggalan dalam lapangan ini, maka banyak syarikat-syarikat dan kaum bumiputra yang mengambil bahagian dalam lapangan tersebut, samada dalam bentuk perkongsian mahupun yang dalam bentuk syarikat-syarikat.

Pada masa ini ada beberapa syarikat bumiputra yang mendapat kelas "A" dalam kontrek benaan dan telah mereka membuktikan kebolehan mereka dalam kerja-kerja mereka. Satu masaalah besar yang dihadapi oleh kontrektor-kontrektor ini ialah soal bekalan bahan-bahan benaan seperti besi, simin dan sebagainya yang dipegang oleh syarikat-syarikat pembekal yang besar di negara ini. Masaalah ini adalah dihadapi oleh kontrektor-kontrektor bumiputra, samada kecil mahupun besar, dan soal yang amat ditakuti oleh kontrektor-kontrektor bumiputra ialah soal kekurangan bahan-bahan benaan ini semasa mereka menjalankan kerja benaan mereka. Dan perkara ini pernah berlaku, kadang-kadang pada pertengahan jalan, harga barang naik dan kadang-kadang barang tidak ada dan terpaksa mereka memberhentikan kerja-kerja mereka.

Kita percaya setengah-setengahnya mempunyai tujuan buruk, kerana kalau berlaku sedemikian musuh-musuh mereka akan mengatakan yang syarikat-syarikat bumiputra belum mempunyai kebolehan untuk menjalankan kerja-kerja yang besar ini. Dan pada pendapat saya gerakan yang seumpama ini yang dijalankan itu adalah merupakan gerakan sabotage terhadap Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan dan menindas terhadap pembangunan kaum bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perniagaan, dan saya harap Kerajaan hendaklah memandang berat terhadap soal ini. Oleh itu kalau pihak Kementerian Perdagangan dan Perindastrian dapat mengatasi soal krisis gula yang berlaku baru-baru ini dan diambil tindakan oleh Timbalan Menteri Perdaganan dan Perindastrian baharu-baharu ini dengan memberi amaran kepada pembekal-pembekalnya. Saya berharap Kementerian ini juga dapat mengambil langkah yang sama terhadap pembekal-pembekal bahan-bahan benaan tersebut supaya kontrektor-kontrektor bumiputra dapat menjalankan tugas mereka dengan lancar dan licin.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang diketahui kawasan-kawasan perusahaan yang besar di Malaysia Barat terdapat di beberapa tempat sahaja di kawasan pantai barat, seperti Kawasan Mak Mandin di Butterworth, Shah Alam dan Petaling Jaya di Selangor, Senawang di Negeri Sembilan; selain dari Johor dan Perak di mana terdapat beberapa perusahaan kilang di sana. Faktor utama pengusaha-pengusaha memilih tempat-tempat ini dan Kerajaan menyediakannya ialah disebabkan beberapa kemudahan terdapat di kawasan ini iaitu seperti kemudahan pengangkutan, pelabuhan, bekalan letrik dan lain-lain kemudahan lagi. Dengan adanya kilang-kilang di kawasan tertentu, maka ramailah pekerja-pekerja menumpu ke kawasan tersebut, samada dari daerah itu ataupun dari daerah dan negeri-negeri lain. Dan akibat dari itu beberapa masaalah baharu telah timbul seperti soal gaji dan perumahan. Perlaksanaan secara ini jika diteruskan, mengakibatkan setengah-setengah tempat di negara kita ini penuh sesak dengan pekerja-pekerja dan kilang-kilang perusahaan, sementara di setengah-setengah tempat yang lain lengang dan kosong dari kilang-kilang perusahaan dan penuh dengan penganggur-penganggur.

Kita mengakui kenyataan yang pernah dibuat oleh pihak Kerajaan bahawa Kerajaan tentulah tidak dapat memaksa pengusaha-pengusaha kilang mendirikan kilang perusahaan mereka menurut kehendak dan arahan Kerajaan, kerana sebagai ahli perniagaan soal utama yang mesti dicapai ialah keuntungan dari kilang-kilang yang diusahakan itu. Maka untuk mencapai matlamat ini kemudahan-kemudahan yang tertentu seperti kemudahan pengangkutan, pelabuhan dan

sebagainya mestilah didapati. Walau bagaimanapun, masaalah ini tidak harus dibiarkan berlanjutan dan satu jalan keluar patut dicari dengan segara.

Untuk mengatasi masaalah ini, Tuan Pengerusi, sebagai langkah mengadakan kilang-kilang perusahaan di sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia Barat, pada pendapat saya langkah-langkah berikut patut diambil:

Yang pertama, mana-mana negeri yang mempunyai banyak bahan-bahan mentahnya sendiri, tetapi kurang kemudahan yang menarik pengusaha-pengusaha hendaklah diproses di negeri itu sendiri. Sebagai contoh, negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang yang penuh dengan kayu-kayan hendaklah diproses di negeri tersebut, samada dalam bentuk papan mahupun alat perabut sebelum dibawa ke tempat lain. Dengan cara ini peniaga-peniaga yang berminat dalam perusahaan tersebut mahu tidak, mahu terpaksa mendirikan kilang mereka di negeri-negeri tersebut dan tidaklah seperti hari ini di mana terdapat kayu-kayu balak dibawa dari negeri tersebut untuk diproses di Selangor yang tidak pun banyak punca-punca bahan mentah.

Keduanya, Kementerian ini haruslah bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Utama untuk mengambil langkah yang perlu dari sekarang untuk mengharamkan mengeluarkan kayu balak ke negeri-negeri luar sebagai langkah menjamin perusahaan kayu dan memberi peluang kerja kepada penduduk-penduduk di negara ini.

Adalah satu perkara yang malang bagi sebuah negara jika rakyat negeri itu mencari kerja di negara tetangga yang memproses bahan-bahan mentah yang dibawa masuk dari negara itu sendiri. Oleh itu, saya berharap kepada pihak Kementerian ini dapat mengambil langkah yang segera untuk mengatasi soal yang saya sebutkan.

**Tuan V. David (Dato Kramat):** Tuan Pengerusi, Kementerian ini adalah satu Kementerian yang mustahak dalam negara kita, kerana rakyat di tanahair kita bila mereka membeli barang di kedai-kedai tiap-tiap hari tidak akan lupa kepada Kementeran ini.

Tuan Pengerusi, Rancangan Kerajaan mengenai Masyarakat Adil yang hendak memberi penduduk di negara kita ini senang maka Kerajaan mengadakan Rancangan Malaysia Kedua. Harga barang-barang tiap-tiap hari didapati naik. Kerajaan juga ada berkata harga gula dinaikkan kerana pasaran (market) dunia, harga itu telah ditetapkan, oleh itu tidak boleh dikurangkan di negara kita. Tetapi kita nampak jiran kita iaitu di Singapura tiga kati $1.00, tetapi di sini pada tiap-tiap hari naik, 50 sen, 55 sen, 60 sen, kadang-kadang di kedai mereka kata tidak ada gula. Harga beras, kita percaya dalam negara kita, boleh turun, sebab Kerajaan ada membelanjakan beribu-ribu ringgit untuk rancangan petanian dan double cropping dalam negara kita. Tetapi harga barang tidak ada turun, yang turun seperti ikan bilis. Ikan bilis bagi kita dan di negeri-negeri lain ada juga ikan biiis, harganya itu tidak kurang. Kementerian ini ada juga membuat satu bahagian yang mengkontrol harga barang-barang. Yang pertama dia bawa satu cadangan iaitu price tag. Bila bahagian ini bawa cadangan itu dia tidak kata berapa tiap-tiap kedai barang itu boleh menjualnya, tetapi cadangkan, kalau ada, price tag yang cukup tidak mengatasi apa-apa.

Mengenai harga barang-barang yang 50 sen, price tag ini menunjukkan 70 sen atau 80 sen. Bila rakyat mahu membeli barang itu, katanya ini price tag Kerajaan, harganya 80 sen. Ini bukan kuasa kita. Ini kuasa daripada Kerajaan.

(*Dengan izin*) The fact, Sir, is that the Government did not introduce effective measures to control the prices, but it merely introduced price tags without making sure that the prices will be kept under control. In view of this and in the absence of effective measures, prices have sprung up in some cases by not only 50% but 100%. For instance, the price of a cup of coffee had remained at 20 cents for the last many years and under the so-called *masyarakat adil*, it has become 25 cents now. The price of sugar, I was told, is still controlled by the well known Kuok Brothers; and what form of manipulation takes place, we do not know yet. When three katis of sugar can be purchased for $1.00 in a neighbouring country, we have to pay here 50 cents to 60 cents a kati.

Sir, the present Deputy Minister responsible for Trade and Industry, who should be more active—he has already been active according to the Press—must clearly define between price tags and price control.

The Division set up by the Ministry would be serving no useful purposes if it just remains to check whether price tags are exhibited or not. Any shopkeeper would be prepared to exhibit price tags, but the prices should be kept under control. The present spiralling prices are going to cause tremendous hardships to the wage-earners since no corresponding wage increases have been introduced either in the public sector or in the private sector. Effective laws must be introduced to ensure that if anybody tries to raise prices, he shall be dealt with accordingly, so that the prices would not be increased without due consideration to the consumers.

The Consumers Association has made its comments in the Press, the members of the public have voiced their grievances, the housewives have commented on this; and I am sure the Minister responsible now must alter the task of this Division not only to confine on price-tags but to concentrate on price control.

Sir, much has been said about the tourist attractions in this country. A lot of money has been spent on this. In most cases, those who are supposed to run the Tourist Department have themselves become tourists. Instead of planning for tourism, they are often found travelling all over the world. If you ask them, they will say, "We are trying to attract tourists." The first and foremost thing to attract tourists is that we must create conditions and facilities, so that tourists would like to come to this country. Sir, if you take Penang, I think we have wonderful places for tourists to visit, as it is the "Pearl of the Orient". Quite a number of tourists who normally travel in Asia do know about Penang. The facilities especially from the jetty to the various hotels are insufficient. There are no proper taxi services from the jetty to the various hotels. The taxis are few in number there, and the facilities for tourists to move about in Penang still need improvement. Again, people who come from Europe, especially during the winter, they want to spend their time in a tropical climate; they are fond of open sea and they like to go to the seashore for swimming. So, adequate facilities should be provided not only in Penang but in all places wherever we have open sea and where it could be developed for tourist attraction.

Sir, I would also go further to say that the old mode of transport such as the trishaws, even though they may cause at times a nuisance to other traffic, is a type of transportation which tourists from European countries would like to take a ride on. We have in Thailand auto-rickshaws. We must preserve these trishaws as far as possible and also if we can introduce auto-rickshaws in some parts of the country, especially in Kelantan, Trengganu and other places, it would be cheap and also it would be a form of attraction for people to travel about. Sir, the people who come here from European countries are not interested to see the multi-storey buildings which they, of course, see daily in their own countries; they want something natural. So, we must preserve some of the hills which we have, and instead of allowing the developers to bulldoze these hills, we must keep them with the green for tourists to appreciate and come to this country. Creative and natural environments should not be demolished or destroyed to make way for development. Transportation and hotel facilities should be improved still further, so that we could receive tourists efficiently and fulfil their desires and needs in this country.

Sir, I find in these Estimates an item called "Malaysian International Shipping Corporation". A lot has been said about this Shipping Corporation. It was even said that some important members of the ruling party are involved in this. To what extent, we do not know. But I would like to hear from the Minister what improvement has been made in connection with this Malaysian International Shipping Corporation, who are the Directors and how we are making progress towards making it a successful enterprise.

Sir, I would insist on the Ministry concerned to publish all the accounts of its various subsidiary organisations in the Press, so that the public will understand them. For instance, MARA should also publish its accounts in the Press, if possible. These accounts, of course, should be made once in six months or when the financial year ends. Sir, as you are aware, large sums are being spent by MARA for its projects.

Sir, I have my doubts, of course, as to the purpose of setting up such projects as the Batik Malaysia. This cannot be regarded as an experimental centre because it is too large and too far away from the centre of the

batik industry itself, i.e. Kelantan and Trengganu, and to have a demonstration far away from this centre would be meaningless. In fact, Batik Malaysia is in direct competition with the small-scale rural batik producers. For just six months in 1972, there was a trading loss of $20,655.34. The trading loss for the six months gives us an indication of the extent of progress this organisation is making. This centre has only succeeded in producing cheap and inferior batik for the market subsidised by the taxpayers and it is giving Malaysia a bad name. Malaysia should launch a "Buy Malaysia" campaign. I notice that even Ministers take pride in showing off their batik manufactured in foreign countries and they are not proud of the local batik. I wonder if they are paid by any other Government for doing this.

Sir, the same applies to Kulit Keraf. An additional sum of $200,000 has been approved by the Chairman of MARA recently, even though the other directors of the Company refused to authorise this expenditure.

Sir, UBIYU has been operating at a loss since its inception. The MARA Bus Companies are also operating at a loss, although perhaps their existence maybe partly justified by the service provided to the rural areas.

Sir, I dread to think what is happening to PERNAS projects. It cannot be too successful if it takes on the liabilities of Sime Darby Trading and other schemes like the film industry. One of the reasons for the misfortunes is that the members on the governing body do not even bother to attend the monthly meetings, let alone read the papers presented to them at the meetings. Unfortunately the members, who are Alliance blue-eyed boys, are without any form of dedication.

Sir, it is futile for FELDA to settle people in villages by allowing them only 10-acre plots. It would be surprising to note that in the years to come, when the children of these settlers grow up, these 10 acres would not be enough for them and there will again be problems of trying to shift them to some other places.

Mr Chairman, Sir, as I have said, while the taxpayers are being asked to pay big sums of money as subsidy to MARA, we must be certain that the money is spent wisely and not purely paid for certain directors to survive, enjoying the facilities of directors' fees and other privileges while neglecting their responsibilities, and every time we find such subsidiary organisations financed by MARA becoming failures. I am sure the new Deputy Minister would take effective measures to see that this is not repeated in 1973.

**Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu-ngalukan peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindastrian.

Tuan Pengerusi, dalam mengambil bahagian berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindastrian, yang pertama sekali saya suka mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini yang telah menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh bagi melaksanakan kerja-kerja yang pesat pada masa ini seumpama kawalan harga gula dan sebagainya yang telah begitu melambung tinggi. Tetapi dengan daya usaha dan ikhtiar daripada Yang Berhormat Menteri dengan begitu tegas, maka mereka yang hendak mencari kekayaan dengan sebagitu cepat telah mula berkurang dan telah mula sedar bahawa perbuatan mereka itu adalah merugikan negara dan merugikan rakyat. Dan saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya menjalankan usaha yang lebih giat lagi untuk membasmi satu perkara lagi iaitu harga-harga barang yang ditulis lebih dari sepatutnya. Kalau kita lihat di antara sebuah kedai dengan sebuah kedai yang lain, maka barang itu juga harganya tak bersamaan.

Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian supaya harga barang-barang itu tidaklah akan menipu rakyat dari kampung atau penduduk luar bandar selalu masuk ke kedai hendak membeli barang apabila mereka itu melihat harga barang yang telah ditetapkan di atas barang tersebut, maka mereka itu tidak lagi tawar-menawar kerana menyangka harga itulah yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan mereka membayar dengan begitu senang hati. Dengan keadaan yang demikian, adalah lebih merugikan lagi kepada rakyat dan saya berharaplah supaya Kementerian ini mencari suatu jalan supaya barang-barang tadi tetap harganya. Ada setengah kedai itu sengaja

menaikkan harga dengan alasan bahawa kenaikan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan, pada hal barang itu tidak ada sangkut-paut langsung dengan cukai jualan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dalam perkara tersebut dan menambahkan lagi pegawai-pegawai yang akan memeriksa harga barang itu. Umpamanya pada masa ini di dalam negeri Perlis tidak ada pegawai, hanya dua orang, menumpang kepada pegawai yang ada di Alor Star. Dengan ini, saya merayulah supaya dapat ditentukan Pegawai yang akan bertugas di Perlis supaya dapat memberi perhatian yang lebih tegas lagi.

Tuan Pengerusi, dalam soal perdagangan dalam negeri, sungguhpun negara kita pada hari ini nampaknya telah berjalan dengan begitu pesat, akan tetapi ramai daripada rakyat kita yang belum begitu tahu mengenai barang-barang yang dibuat dalam Malaysia ini. Saya mengesyurkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya diadakan satu trade fair secara besar-besaran sebagaimana pada masa yang lalu negara kita pernah mengadakan MAHA dan sebagainya, tetapi MAHA pada masa itu belum ada lagi. Jadi sudah sepatutnya diadakan trade fair bukan sahaja barang-barang perkilangan tetapi juga barang-barang pertukangan dan sebagainya yang dibuat di Malaysia supaya dengan jalan yang demikian dapatlah bumiputra kita mengambil bahagian cergas dan menimbulkan minat yang besar dalam perusahaan dan perdagangan.

Dan begitu juga dalam masaalah perdagangan keluar negeri. Saya sangat berharap bahawa janganlah kita sengaja menjual barang-barang hasil negara kita seperti getah dan bijih kepada negara luar dengan harga yang begitu murah sebaliknya mereka itu pula menjualkan barang-barang mereka kepada kita dengan harga yang begitu mahal. Umpamanya perhubungan perdagangan antara kita dengan Jepun, pada hari ini barang-barang Jepun seperti motokar dan sebagainya dijual dengan harga yang begitu tinggi, dan barang-barang yang asalnya dibeli daripada kita adalah begitu murah.

Dengan sebab itulah kita dapati baharu-baharu ini telah menjadi satu kejadian di Thailand bahawa ada percubaan hendak memboikot barang-barang buatan Jepun. Dengan sebab itu kita berharap supaya imbangan perdagangan kita antara sebuah negeri dengan sebuah negeri hendaklah berimbangan jangan kita sahaja rugi, mereka itu untung. Kurang-kurangnya biarlah imbangan itu dapat bersama di antara negeri kita dengan negara-negara yang kita membuat perdagangan itu, dan kita harap sebagaimana telah disuarakan oleh rakan-rakan kita tadi supaya perdagangan ini dibuka lebih luas lagi khasnya di dalam Eropah Timur supaya dapat kita memperkenalkan barang-barang kita dalam Eropah Timur tadi dan juga berkenaan dengan perdagangan dalam negeri, saya telah difahamkan bahawa pada masa sekarang ini banyak barang-barang yang diseludup masuk secara haram ke dalam negara kita dan hal ini kita boleh katakan selang dua tiga hari membaca di dalam akhbar bahawa banyak barang-barang itu dibawa masuk ke negara kita, ada daripada Thailand, Singapura dan sebagainya dan barang-barang itu kebanyakan ialah barang-barang made-in-China.

Tujuannya, pada fikiran saya, mereka itu menyeludup masuk ke dalam negara kita ialah semata-mata dengan perasaan yang tidak baik. Oleh kerana mereka tahu bahawa PERNAS telah mengambil daya usaha yang begitu besarnya menjadi ejensi untuk menolong bumiputra, maka ada kalangan-kalangan, gulungan-gulungan yang cuba hendak memusnahkan atau sabotage usaha-usaha yang telah dijalankan oleh PERNAS itu.

Saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat berusaha bersungguh-sungguh dengan jabatan-jabatan yang berkenaan tentang kemasukan barang-barang haram tadi dan kalau bolehnya tiap-tiap pegawai yang menjaga di sempadan-sempadan diperingkat-peringkat besar, mereka itu hendaklah membuat sumpah atau dengan mengangkut Quran, mesti betul kerana kita tahu, kalau kita pergi ke Padang Besar dan tempat-tempat yang lain, kita dapati pegawai-pegawai ini kebanyakannya memakai motokar yang besar-besar. Ada setengahnya mempunyai teksi-teksi sapu, jadi dimana mereka itu dapat wang. Inilah saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mencari ikhtiar supaya koordinasi Kementerian ini dengan Imigeresen, Kastam dan lain-lain lagi dapat kita membasmikan supaya janganlah kita harapkan pagar, pagar makan padi. Dengan sebab itulah kita dapati banyak barang-barang yang diseludup ke negara kita ini ialah secara haram.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, berkenaan Pecahan-kepala 148—Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Bhd. Rakan-rakan saya disebelah telah pun bercakap berkenaan dengan Syarikat Batik yang telah mendapat kerugian-kerugian yang besar. Apa yang saya telah di fahamkan dan saya dengar desas-desus bahawa kerugian dan barang-barang yang dikeluarkan oleh Syarikat Batik ini ialah mutunya tidak begitu baik dan kalau dihantarkan ke Eropah dan lain-lain tempat lagi dengan cepat warna-warnanya akan luntur. Jadi kepada mereka kebanyakan seperti pencelup dan sebagainya yang digunakan oleh Syarikat ini dan disimpan di dalam setor barang-barang itu ditukar dan ada orang yang menukar barang-barang itu, membubuh atau meletak, ambil barang yang baik, diletak balek ditempat itu barang-barang yang tidak baik. Maka dengan sebab itulah usaha-usaha kita hendak memperbaiki Syarikat Batik ini menjadi satu syarikat yang begitu baik, yang begitu utama tidak begitu berjaya.

Saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri supaya memerhati di atas perjalanan-perjalanan Syarikat ini samada di dalam dan di luar Syarikat ini supaya dapat kita memerhati adakah benar atau tidaknya sebagaimana yang dituduh-tuduhkan oleh setengah pihak mengatakan barang-barang yang ada di dalam syarikat itu telah dicuri keluar dan dijual, kemudian dibawa masuk kedalamnya ialah barang-barang yang tidak baik.

Pada akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap berkenaan dengan pelancung. Pelancung, sebagaimana kita sama-sama mengetahui adalah satu sumber kewangan yang begitu besar dan di mana-mana sahaja negara pada hari ini kita dapati pelancung adalah satu perusahaan yang begitu bersungguh-sungguh diusahakan oleh sesebuah negara, umpamanya Jepun dan di lain-lain tempat lagi di dalam dunia ini masing-masing berlumba-lumba membuat publisiti supaya pelancung-pelancung datang ke negeri mereka dan Malaysia sudah tentulah sebagai sebuah negara yang mempunyai keistimewaan yang lebih daripada negara-negara yang lain, hutannya dan pemandangannya yang begitu cantik. Apa yang kita kehendaki pada hari ini ialah supaya susunan-susunan berkenaan pelancung, organisasi-organisasi berkenaan dengan pelancung ini supaya berjalan dengan baik. Saya syorkan daripada kita menghantarkan pegawai-pegawai kita untuk meninjau berkenaan dengan pelancung-pelancung di luar negeri, kerana pada hari ini ramai penuntut-penuntut daripada universiti kita yang begitu banyak berkelulusan, maka kita tawarkan kepada mereka itu tiap-tiap tahun scholarship untuk mengambil bahagian atau mengambil kursus berkenaan dengan ilmu pelancung supaya mereka itu apabila balek kelak dapat menyumbangkan tenaga dan fikiran yang lebih moden lagi daripada apa yang kita jalankan sekarang ini dan begitu juga berkenaan dengan pelancung ini, kita dapati banyak perkara-perkara seperti kecurian dan sebagainya telah berlaku umpama nya di Pulau Pinang kalau kita baca dalam akhbar banyaklah barang-barang pelancung yang dicuri dihotel, di tengah-tengah jalan dan sebagainya. Begitu juga teksi-teksi dan lain-lain lagi yang sentiasa mencari jalan untuk mencuri barang-barang yang kepunyaan pelancung ini. Saya berharaplah supaya Yang Berhormat Menteri mencari satu jalan bagaimana supaya pelancung-pelancung tadi datang ke negara kita ini dengan bebas dengan tidak perlu takut dan di mana sahaja mereka itu boleh berjalan mendapat pertolongan di mana sahaja mereka akan pergi dan saya percaya dengan jalan yang tersebut, maka dapatlah kita memajukan lagi perusahaan pelancung di dalam negara kita dan pada hari ini kita selalu mendengar puji-pujian yang telah diberikan kepada kita oleh pelancung-pelancung yang datang ke negara kita yang mengatakan bahawa rakyat Malaysia ini adalah satu rakyat yang begitu baik budi di mana sahaja mereka pergi. Walaupun begitu kita berharap supaya usaha-usaha yang lebih baik lagi diperelokkan dari satu masa kesatu masa dan memandangkan bahawa Perbadanan Pelancung yang begitu banyak kita peruntukkan wang kepada mereka, maka kita berharap supaya mereka ini juga janganlah menghampakan harapan rakyat supaya di tiap-tiap Negeri ditubuhkan dengan Perbadanan Pelancung agar dapat mengambil bahagian bersama dalam bahagian pelancung tadi dan begitu juga di dalam pelancung ini, Yang Berhormat Menteri ada membuat satu dasar bahawa tiap-tiap tempat pelancung sekurang-kurangnya 10% atau 20% barang-barang yang akan digunakan samada di dalam hotel dan sebagainya hendaklah digunakan barang-barang tempatan yang dibuat, yang diusahakan oleh bumiputra sendiri.

Dengan jalan yang demikian, maka dapatlah bumiputra-bumiputra tadi hidup mengambil bahagian bersama di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, kerana kalau kita hendak suruh tiap-tiap seorang bumiputra supaya berniaga, sekarang ini kita selalu dengar bahawa kita menyeru kepada bumiputra supaya mereka itu mengambil bahagian dalam perniagaan. Bukan semua manusia yang dapat berniaga bahkan ada yang tidak dapat berniaga, kita beri peluang kepada mereka itu supaya mereka itu dapat pula menjalankan ikhtiar membuat seperti pertukangan tangan dan sebagainya.

Pada hari ini amatlah sukar kita hendak memperkenalkan satu barang-barang pertukangan tangan kepada hotel-hotel yang besar-besar dan begitu juga kepada perbadanan-perbadanan pelancung dan lain-lain. Mereka itu lebih baik tak usahlah menggunakan barang-barang yang dibuat daripada mesin tetapi saya percaya dengan adanya minta dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada Yang Berhormat Menteri, maka jalan untuk memimpin bumiputra-bumiputra yang duduk di luar bandar dengan kerja-kerja perusahaan mereka seperti ukir-mengukir, mengkuang dan sebagainya dapatlah hidup bersama mengambil bahagian di dalam meninggikan taraf hidup mereka.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat memberi sepatah dua kata di dalam Kementerian ini dan saya sekali lagi memberi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas kerja-kerja yang tegas. Maka dengan ketegasan beliau itu kita tengok kebanyakan daripada pekedai-pekedai telah mula takut dan saya percaya dengan ketegasan itu, maka rakyat akan dapat hidup dengan mewah dan aman damai.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua tentang anggaran atau peruntukan yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian dan di samping itu, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian atas kenaikan pangkat atau jawatannya. Itu bukan menunjukkan saya hendak melumpat ke sana.

(*Dengan izin*) Time was, Mr Chairman, Sir, when the Honourable Deputy Minister was in the wilderness and had to spend some time in the Sussex University, but these are some of the vicissitudes and trials and tribulations that some of us have to pay when we are perhaps *persona non grata* and have to spend some time in the wilderness and then later come back and slowly climb up one's way—and now he has attained the post of Deputy Minister. Saya percaya, Tuan Pengerusi, di masa akan datang beliau barangkali akan mencapai jawatan atau pangkat yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, the Honourable Deputy Minister in reply to some of the questions that were asked two days ago admitted the lack of data regarding investments and the like. I do hope that his Ministry does realise the need for data, which is necessary for industrialists or entrepreneurs who want to open up or start industries here. It is vitally important to this country that we should have these data about money coming in, about labour, about skills that are available and the like and I do hope the Honourable Deputy Minister will give this aspect of industrialisation top priority, so that entrepreneurs, both local and foreign, who want to start industries can have the available data.

Mr Chairman, Sir, while we are on the subject of industrialisation, I hope the Honourable Deputy Minister will now bear in mind what he himself had said some time ago that "Ministers should not think aloud", particularly with regard to job opportunities. I think it is a very serious state of affairs if Ministers think aloud. Every time they open a small factory, they say, "We are going to start so many factories. You know, we are going to create so many jobs". I think this is a very dangerous past-time on the part of the Ministers because we all know that the Second Malaysia Plan is in a very parlous if not a very dangerous, state; where job creation is concerned, it has fallen way behind the target, particularly so in the private sector. If Ministers foolishly go on talking about the thousands of jobs that they are going to create or, in the case of Penang, that there will be a surplus of jobs, then I think that if they don't deliver the goods, then the rakyat are indeed entitled to ask, "Apa macam, Menteri-menteri semua bercakap besar sahaja? Saya tak ada kerja,

perut kosong". Now, together with this, Mr Chairman, Sir, I do hope the Government will not go about, both locally and abroad, talking that we have in this country a vast pool of workers who have no jobs and, by implication also, that these workers are a very docile lot. Mr Chairman, Sir, this prostitution of labour on the altar of capitalism is a thing I am sure the Honourable Deputy Minister of Trade and Industry will not tolerate, because it takes away the dignity of labour from the worker and it denies to the worker the just due of what he has created by the sweat of his brows. The workers of this country—although there may be a vast pool of unemployed workers—are not as dumb as our Ministers think they are, they are alive to their rights and privileges and if the Ministers go on telling foreigners and local entrepreneurs that there is a vast pool of cheap labour, then I think we are in for serious trouble when the workers demand their rights—as indeed they should demand their rights—for the work they put in.

Mr Chairman, Sir, I wish now to touch on the registration of companies, Kepala B. 16, page 141. Now, recently one firm has been closed down by the Registrar of Companies, namely, the Gemini Chit Fund Company. I am told, Mr Chairman, Sir, that the assets of this Company were disposed of in a very curious way, namely, that the assets were sold to a private individual. Now, this is a very serious state of affairs, Mr Chairman, Sir, because the assets run into hundreds of thousands of dollars and to be fair to the Gemini Chit Fund Company, these assets should be auctioned—this has been done in Singapore where they auctioned the assets of Gemini and, I believe, their Mercedes Benz 300 and the like all fetched big sums of money. Why in this country, in this Capital City of Kuala Lumpur, were the assets of Gemini almost surreptitiously disposed of? I do hope that the Deputy Minister will be able to tell us why these assets were disposed of so quietly without the people who are interested in these assets making a bid for them.

The other thing that I wish to bring to the attention of the Minister—and I think he does not know it—is the way PERNAS should not do trade. We see from time to time PERNAS going abroad with big delegations, partly these delegations are at the taxpayers' expense, and they go from capital to capital and they come back and say, "We have concluded big deals and we are sure to make money". I am told that recently a delegation went to an East European country and sold timber to that country. The East European businessmen said they wanted this, that and the other types of timber. PERNAS said, "Okay, we can supply" and they signed on the dotted line. When they came back, they found that these types of timber are not produced in this country and when they went to the sawmillers and the Forestry Department, they were told, "Why did not you consult us? If only you had consulted us, we would have told you that these types of timber are not found in this country." Of course, in all Trade Agreements there are penalty clauses—"If you do not supply us with this kind of wood at this price, then you forfeit so much". Of course, PERNAS quietly had to pay this forfeiture. In other words, thousands of dollars of taxpayers' money have literally gone down the drain. Sir, I do hope the Honourable Deputy Minister will order an investigation on this because this is actually a very serious state of affairs. If you cannot walk, do not try to run. If you do not have the knowhow of these things, then ask the experts; if you want to send timber, at least consult the timber merchants in this country. I have talked with a few of them, and they are laughing up their sleeves. Of course, they dare not say it openly. They say, "Doktor, apa macam? Ini orang pergi ke sana dan jual kayu yang kita tidak ada". You know, this is what the small boys will say, a very shameful way of doing things. I do hope that we should not allow PERNAS or any other Corporation to throw taxpayers' money, thousands of it, down the drain. God alone knows what other things that have been done by PERNAS which also have gone down the drain.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch a little bit on pioneer industries. We in this country are proud of the fact that we are giving lots of tax holiday; we probably want to extend this tax holiday to entrepreneurs, both local and foreign. But I am sure the Honourable Deputy Minister knows and the Government knows that the pioneer industrialist when he comes into this country, he puts in some money and hopes that in about three or four years, before the tax holiday is over, he would recover his total capital with the result that whatever money that he makes after the tax holiday is over is pure and sure profit to

the entrepreneur. Now, if the pioneer status is to enable the entrepreneur to achieve this kind of end, then I think it is about time that we should have a second look at the incentives that we give to entrepreneurs because I think we are about one of the very few countries which have been taken for a ride in this respect where entrepreneurs can come into this country and within three or four years recover all their capital before the pioneer status is over.

While we are on this question of foreign entrepreneurs and their profits, I would urge the Honourable Minister to get some reliable data on the profits that are remitted abroad by foreign companies. From time to time, one makes a guess; I myself have made a guess and I think it is in the region of $800 million, but I may well be wrong. The Honourable Minister has data on this very important subject of remittances of profits by foreign companies in this country, I shall be very grateful if he can enlighten me and this House. But whatever it is, I do hope that the Honourable Minister will make it known to the foreign entrepreneur and industrialist that it is in his own interest to plough back some of the profits into re-investment in this country, particularly so if after his tax holiday all that he gets is sheer profit and why should not he retain some of it in this country instead of getting the profits in this country and starting other industries in other parts of the world? Why shouldn't he start other industries in this part of the world from the money that is obtained from the sweat and toil and tears of the workers of this country?

Mr Chairman, Sir, just now my colleague touched on the M.I.S.C.—Malaysian International Shipping Corporation. I notice from the Five Year Plan that $44 million has been allocated for this project. Of course, $44 million is chicken-feed when you go into the shipping industry. The allocation for this year, I notice, is $3.8 million, but I want to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister, not that he does not know, that we should try to start a shipping industry, perhaps in a small way. I do know that in Penang there is a company that is starting a shipping company in conjunction, I believe, with Germans. The potential of this is very great and I do not think that the private sector has that big money or know how to go into it in a big way. I do hope that the Government will try and go into a joint venture with local and foreign entrepreneurs so as to start a shipping industry, so as to increase the tonnage of the M.I.S.C. We need not necessarily go into building big containers or gigantic oil tankers. We can go in a small way to build ships for intercoastal trade between us and Eastern Malaysia, for example, and we can slowly build up. Whatever it is, if we encourage ship-building industry, it is eminently labour intensive and also capital intensive and, therefore, we can create jobs in a big way for the workers of this country.

Mr Chairman, Sir, we all know that Britain and a number of other European countries have now entered the E.E.C. From time to time, we in this House hear questions being asked on the impact of E.E.C. on our trade with Europe and, in particular, with Britain. Now, with the entry of Britain into the E.E.C., obviously the terms under which we have been trading with Britain and other parts of the E.E.C. do not obtain any more, and I do hope that the Ministry will study in a big way the implications of Britain and other European countries entering the E.E.C.

Mr Chairman, Sir, finally, I wish to touch on the Perbadanan Kemajuan Pelanchung. I think it is evident in this country that we may well be able to attract more and more tourists into this country. I notice that the year before last there were over 100,000 tourists coming here, whereas before there were in the region of 70,000 plus. It is very important that the Honourable Minister should impress on all those concerned with our tourist trade that we should keep our prices down. One of the reasons why I am told that foreign tourists are coming to this part of the world is because they find the prices in Hawaii, Hong Kong, Japan, Thailand and Taipeh all too high, and therefore they find that their American dollar or their Australian dollar streches further if they come to this part of the world. We should make every effort to see that we do not filch their pockets, not literally as the Member for Perlis Selatan has said. He has complained about tourists having their pockets filched. What I mean is that we should see that we keep our prices down so that tourists can come into this country in ever increasing numbers.

While we are on tourists and their coming in increasing numbers, Mr Chairman, Sir, I

do hope that the Minister will also get the tourist industry or entrepreneurs to build medium range hotels. Not every foreign tourist can go to Hotel Merlin with its $36 room rate for a single room and perhaps $50-$60 for a double-bedroom, but if we in this country have medium range hotels in the range of $15 or so, then I am sure more and more tourists will come to this country.

We should also try and encourage local tourism. Now, many of us in Kuala Lumpur, for example, would do well to spend a week or so in Kuala Trengganu or Kemaman, but I think very little is done in the way of internal or domestic tourism. I do hope that the Honourable Minister will pay some attention to this aspect of tourism.

**Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya mengambil bahagian bercakap pada hari ini. Mula-mula sekali, sebelum saya meneruskan ucapan saya yang pendek ini, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Menteri kita yang baharu dilantik.

Sekarang saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan dengan B. 16 Pecahan-kepala 2 berkenaan tingginya harga barang-barang keperluan yang telah naik kira-kira 20 hingga 30 peratus. Hal ini sangatlah merunsingkan penduduk-penduduk negara kita, terutama sekali orang-orang di kampung. Kerajaan mestilah mencari jalan bagaimana hendak mengurangkan harga barang-barang ini.

Kita sudah mendengar di suratkhabar bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa (Enforcement Unit) dari Kementerian ini telah memeriksa kedai-kedai yang kecil sahaja menurunkan harga barang-barang kerana kita tahu kedai kecil tidak banyak menyimpan barang-barang itu. Yang mustahaknya ialah kilang-kilang yang mengeluarkan barang kurang daripada biasa. Itulah yang menjadikan harganya tinggi. Sebab itu, saya mencadangkan jikalau kilang-kilang tidak boleh mengadakan cukup barang-barang untuk kegunaan negara kita, Kerajaan mestilah membenarkan barang-barang ini di import dari luar negeri. Kerajaan patut menyediakan satu perangkaan yang menunjukkan pengeluaran barang-barang dan penggunaannya. Jika kita ada mempunyai statistik, tentulah perkara ini tidak menjadi masaalah.

Saya mengambil peluang mengingatkan semula apa yang saya sudah cakap pada bulan Disember berkenaan dengan baja tahi ayam. Saya harap Menteri baharu kita akan menolong petani-petani yang miskin yang berkehendakkan baja tahi ayam, kerana beribu-ribu orang petani di Johor mendapat sara hidup dengan berkebun sayur. Kerajaan patut menimbangkan semula supaya baja tahi ayam boleh dibawa masuk ke Johor dari Singapura. Harganya murah dan sesuai dengan sayuran dan sayuran-sayuran juga boleh dijual dengan harga yang murah.

**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, what I am going to speak on will be under domestic trade, international trade and registration of companies.

Mr Chairman, Sir, the Government has very often said that it will try to industrialise the country as soon as possible and as fast as possible. I support the Government on this. However, I see that the local industries have been over-protected. The public interests are overlooked so much so that members of the public have to suffer in silence for the sake of a few industrialists. For example, Mr Chairman, Sir, the sugar industry in Malaysia is given far too many protections. The price of sugar has risen to such an extent that the members of the public are finding it difficult to cope up with the rising cost of living. Mr Chairman, Sir, I suggest that the Government should take positive steps to allow a certain percentage of sugar to come into Malaysia so that the local sugar industry can become more efficient and try to compete with the foreign product. Mr Chairman, Sir, it is strongly rumoured these few days that the price of sugar may rise by another five cents per kati. I hope the Government can give a categorical assurance to the people that this will not happen.

Moreover, Mr Chairman, Sir, the textile goods produced locally cost much more than those which come from foreign countries, like those coming from the People's Republic of China. Now, these textile goods are quite essential for the people. Everyone of us needs clothing, shoes, etc., but our locally-produced textile goods cost so much more than the foreign goods that the people suffer.

Mr Chairman, Sir, the cost of locally-produced books is also much higher than

those produced overseas. The Government should always keep in mind the public interests. Public interests must be paramount and overriding. We cannot afford to protect a few industrialists or tycoons at the expense of the public.

Mr Chairman, Sir, in Malaysia regrettably we have far too many public holidays. We have got National holidays and we have got State holidays. This, Mr Chairman, Sir, will affect our economy to a certain extent because we are a developing country—we need everyday, every hour and, in fact, every minute to work and produce more goods for our country. I must congratulate the Government for taking a bold step in making the puasa month a full-day working month so that our Muslim brothers can put in a bit of effort in order that our standard of living may be raised slightly. However, the present number of holidays is still great. If we can reduce the number by one-third, I think our country's economy will be benefited to a certain extent.

Mr Chairman, Sir, Justice Harun said recently that different States have different weekly rest days. Johore, for instance, has Friday as the rest day, whereas in some other States Sunday is the rest day, so that the communications, particularly trading communications, are adversely affected. I hope the Government will bring these weekly holidays in line, so that work can be smoothly proceeded with.

Mr Chairman, Sir, the Registrar of Companies, I must say, has not kept a very close watch on the commercial sector of our country. Sir, you will recall that the people suffered a lot by way of frauds committed by the mushroom insurance companies a number of years ago whereby millions of dollars were swindled and the contributors had not been able to get back much—they could get back only 5% or 10% of what they had paid. Then lately about two or three years ago, we had got another spate of limited companies known as "Chit Funds". These Chit Funds have not been very honest in, their trading patterns and millions of dollars have also been swindled by these companies; and the directors usually get off scot-free, because as these companies are limited, their liabilities are limited, and so they get off scot-free with millions of dollars. They just sell off their assets or transfer them into their sons' and wives' names and so on; and perhaps they may even, transfer some of the money to India or China or Switzerland. It is a sad things that the Registrar of Companies has not taken swift action to control these companies. The Police usually do not take action on the directors because they always claim that these are civil matters, not criminal. But I say that they are actually criminal as well as civil matters at the same time.

The latest of this type of companies, of course, is that we have quite a lot of finance companies being started all over the country. I must say that some of these finance companies are very unscrupulous; they charge "football money"; they make the borrowers to sign blank forms and so on and so forth. Now, the Registrar of Companies ought to keep a close watch on these companies, because the members of the public tend to be cheated and swindled. It is the duty of the Government to look after the interest of the people.

Mr Chairman, Sir, yesterday the Honourable Member for Bruas told this House that Gula Perak Berhad has lost about $3 million. Yes, it is a fact that it has lost $3 million. But for him to attack the Perak State Government, I think, was not wise because he is a Member of the Coalition Government there. He does not know that he is hitting his own back. Anyway, Mr Chairman, Sir, I suggest that the Registrar of Companies should make a very, very close scrutiny over the activities of this Company, because everyone knows that this Company is losing money and may be wound up any time. But the price of the shares of this Company is rising—it has gone up to $2; about a month ago, it was only 90 cents or $1.00, but now it is $2.00. Something is wrong somewhere, Sir. I suggest that the Registrar of Companies should investigate it. Members of the public can easily be swindled by this speculation and so on.

Coming to international trade, Mr Chairman. On my recent tour overseas, I had been asked a lot of ridiculous questions such as, "Where is Malaysia; is it near Singapore; is it near Indonesia; is it underneath India?" and so on.

**Tuan Pengerusi:** Underneath India?

**Tuan Lim Cho Hock:** Yes, underneath India. (*Ketawa*) It is a fact, Mr Chairman, Sir. It shows that the overseas people in general do not know very well where we are.

Although we have got about 8 million people, I am afraid that the people of the world in general do not know where we are. In order to attract foreign capital, we have got to make ourselves known first. So, I suggest that the Government should launch some sort of a scheme to make us known throughout the world and secondly to attract more capital. One of the best ways of doing it, Mr Chairman, Sir, is to take the initiative to promote a badminton match between the Indonesian badminton players and the People's Republic of China players. Now, this is a hot topic. If we can capitalise on this and hold a match of this sort—it has been said that it is equal to the world boxing championship between Joe Frazier and Cassius Clay (Mohamed Ali)—if we can capitalise on this, we can promote, in the first place, the spirit of sportsmanship among the Asian countries; and, secondly, we can let the world know that Malaysia is just underneath Thailand and not underneath India. Then from there we can proceed to make overselves known and attract more capital and goodwill and so on and so forth because, if we need trade, we have got to have a lot of goodwill with the other countries.

Finally, Mr Chairman, Sir, I think we have not made enough efforts to capitalise on the China trade. Everyone knows—in fact, Japan knows very well—that Chinese goods are very cheap; they are far cheaper than those goods from Europe, America and so on. If we can import those goods from China at a very low prices, our cost of living will go down. It is as simple as that. It is a simple arithmetic—add one and one, you get two.

So, Mr Chairman, Sir, I hope the new Deputy Minister will take note of all these points. He is a young man and I am sure he has more push in him to launch a diplomatic offensive and a trade offensive in other countries.

**Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas):** Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk memberi perhatian berkenaan dengan B. 16 dan P. 16 tentang perkara yang paling penting di Sarawak termasuk Kementerian Perdagangan dan Perindastrian.

Tuan Pengerusi, yang pertama ialah berkenaan gula, kami telah diberitahu sekarang negara kita telah membuat dan mengeluarkan gula sendiri. Oleh sebab itu, pengeluaran gula dari luar negeri telah disekat, tetapi perkara yang memberi hairan kepada rakyat di Sarawak iaitu sebelum kita membuat dan mengeluarkan gula harganya 25 sen sekati. Sekarang sudah kita membuat dan mengeluarkan gula sendiri harganya di Sarawak 60 sen sekati, hanya di Kuching, Sibu dan Miri harga gula 55 sen sekati dan Limbang-Lawas 50 sen dan 60 sen sekati. Lain-lain bandar kecil di Sarawak harga gula 65 sen sekati dan di luar bandar pula harga gula 70 sen hingga 75 sen. Dan Long Semadu, Bario dan Belaga sekati gula berharga $1. Oleh sebab ini nampaknya, Tuan Pengerusi, harga gula di Sarawak sangat menyusahkan kepada rakyat yang miskin. Saya menyeru kepada Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindastrian supaya mengambil tindakan yang cepat untuk mengatasi masaalah-masaalah berkenaan harga gula ini supaya rakyat yang miskin di Sarawak tidak akan mengatakan Kerajaan tidak mengambil berat dalam kesusahan mereka.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan harga beras di Sarawak. Kami telah diberitahu negara kita telah dapat mengeluarkan 90% beras untuk rakyat di Malaysia, tetapi di Sarawak kami telah diberitahu kekurangan beras untuk rakyat di sana masih menggunakan 40% lagi. Oleh sebab itu harga beras di Sarawak jauh berlainan dari harga beras di Malaysia Barat. Di Limbang-Lawas satu gantang beras tempatan dan beras Kedah harganya $2.40 hingga $2.70 dan begitu juga harga di tempat-tempat bandar kecil yang lain di Sarawak. Masaalah-masaalah berkenaan dengan harga beras di Sarawak sangat memberi kesusahan kepada rakyat yang miskin. Pengeluaran beras sendiri mereka tidaklah mencukupi.

Tuan Pengerusi, dengan sebab itu saya menyeru lagi kepada Kerajaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindastrian supaya mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masaalah-masaalah berkenaan dengan harga beras di Sarawak supaya rakyat jelata yang miskin diberi peluang bagi mencukupi makanan sehari demi sehari.

**Tuan Chan Siang Sun (Bentong):** Tuan Pengerusi, saya dengan rakan-rakan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan juga mengalu-alukan rakan saya kerana telah dipilih menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perin-

dastrian. Kita dapat tahu beliau baharu memegang jawatan ini dalam masa dua tiga hari, kena menghadapi satu masaalah yang besar iaitu kenaikan harga gula dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, Timbalan Menteri kita ini ialah seorang yang muda dan bijaksana, jadi masaalah gula ini boleh dikatakan sudah dapatlah diatasinya.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan di sini iaitu Bahagian Penguatkuasa. Ini, saya dengan rakan-rakan saya, menyeru kepada Timbalan Menteri kita supaya bahagian ini betul-betul menguatkuasakan, janganlah bahagian ini dijadikan satu bahagian yang bukan Enforcement Unit, tetapi boleh dijadikan satu "no forcement unit". Oleh kerana perkara ini kita tahu dengan lulusnya belanjawan kita ini ialah satu belanjawan yang cukup baik, sederhana dan masa sekarang kita masih membincangkan dalam Jawatankuasa, tetapi oleh kerana barang-barang pun sudah melompat, jadi apa yang cukup dikatakan baik dengan belanjawan kita kali ini, benda itupun sudah hilang. Kita dapat tahu dan juga rakyat umum tahu dalam belanjawan ini cuma barang-barang yang naik ialah barang-barang berkaitan dengan Cukai Jualan yang naik 5% sahaja, tetapi barang-barang keperluan hari-hari itu seperti gula, beras, susu dan sebagainya tidak naik. Saya harap Bahagian Penguatkuasa ini betul-betul menguatkuasakan dan janganlah rakyat dalam negara ini menuduh oleh kerana satu bahagian mengatakan Budget kaii ini yang cukup baik barang sudah naik, tetapi satu bahagian mengatakan ini tak betul oleh kerana semua barang pun naik. Saya berharap bahagian ini betul-betul boleh menguatkuasakan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya harap pendaftaran perniagaan yang disebut di dalam buku ini, kerana nampaknya wang untuk Kementerian ini pula sudah bertambah dan saya tahu juga pegawai-pegawai pun sudah bertambah dan saya harap pendaftaran perniagaan ini, bolehlah memberikan notis kepada pekedai-pekedai atau peniaga-peniaga mereka itu bila pendaftaran mereka itu sampai masa membaharui silalah ambil notis kepada mereka itu. Ini satu rayuan daripada Chamber of Commerce kepada MCA dan saya harap rayuan ini boleh sampai kepada Kementerian kita oleh kerana banyak pekedai-pekedai yang mereka itu sebok dalam perniagaan. Bila sampai masa pendaftaran perniagaan itu membaharuinya mereka pun kadang-kadang lupa dan kena denda dan sebagainya, inipun satu masaalah juga. Saya harap Timbalan Menteri kita boleh buat arahan kepada Pendaftar Perniagaan supaya masaalah boleh dapat diatasi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka berucap sedikit dalam Pembangunan Kementerian ini iaitu Kawasan-kawasan Perusahaan. Di sini saya sukalah membuat rayuan kepada Timbalan Menteri kita supaya kawasan-kawasan perusahaan ini boleh dapat lagi dipilihkan khasnya atas khususnya untuk Pantai Timur. Sekarang kita dapat tahu kita sudah bercampur dengan Negeri Kelantan dan juga boleh dikatakan baharu berkahwin antara kita. Saya harap negeri-negeri di Pantai Timur, khususnya untuk Negeri Kelantan kita boleh buat banyak kawasan-kawasan perusahaan dan saya harap janganlah lupa negeri Pahang juga yang mana saya mewakilinya, khususnya kawasan dekat Kuantan dan juga jangan lupa kalau boleh Pahang Barat yang mana Bentong dekat Kuala Lumpur juga, jadi kalau ada cottage industries ataupun lain-lain indastri bolehlah ditubuhkan di kawasan masing-masing itu.

Tuan Pengerusi, mudah-mudahan saya harap Timbalan Menteri kita yang baharu dilantik kepada Kementerian ini, beliau ialah seorang yang cukup bijak dan pandai, Kementerian kita ini tentulah boleh dapat maju dan seterusnya penduduk-penduduk di negara kita ini boleh dapat perhatian daripada Kementerian ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Pengerusi, saya menyokong di peringkat jawatankuasa di atas peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindastrian.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin membangkitkan masaalah yang diletakkan dibawah kepala Bahagian Penguat-kuasaan iaitu berkaitan dengan harga barang.

Tuan Pengerusi, bagaimana yang kita tahu bahawa harga barang-barang sekarang ini telah naik, baik barang-barang itu merupakan barang yang dikeluarkan dari kilang-kilang, barang-barang dalam tin seperti susu, kopi dan sebagainya, semua itu telah bertambah mahal. Dan hal ini telah diketahui

umum melalui suratkhabar, rayuan-rayuan yang disampaikan oleh orang ramai dan melalui berbagai cara.

Tuan Pengerusi, saya nampak pihak Kementerian Perdagangan dan Perindastrian khasnya Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh bagi mengawal harga barang-barang itu.

Saya mengucapkan terima kasih di atas kecergasan beliau mengambil tindakan yang segera. Tetapi walau bagaimanapun mengikut apa yang saya lihat Kementerian Perdagangan dan Perindastrian tidak berjaya mengawal dengan sepenuhnya terhadap kenaikan harga barang-barang yang dilakukan oleh peniaga dan pengeluar barang itu dengan sebab alasan-alasan yang diberi oleh mereka dari suatu sudut nampaknya adalah munasabah.

Tuan Pengerusi, memanglah begitu licin dan pandai peniaga-peniaga itu dalam memberi hujjah untuk menaikkan sesuatu harga barang. Misalnya pada masa yang lalu kenaikan harga barang didasarkan kerana kenaikan cukai yang telah dikenakan oleh Kerajaan. Tetapi dalam beberapa bulan yang lepas kenaikan itu bukanlah disebabkan oleh cukai. Apakala ditanya, maka mereka mengatakan bukan disebabkan oleh cukai, tetapi disebabkan oleh bahan-bahan yang digunakan oleh mereka bertambah mahal. Ertinya mahu atau tidak kaum pembeli yang terdiri daripada orang miskin memang menghadapi kesulitan yang berat untuk mendapatkan barang-barang itu dan perbelanjaan hidup adalah makin sehari makin bertambah melambung tinggi. Oleh itu, saya meminta supaya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindastrian supaya mengkaji semula ataupun membuat suatu kajian yang lebih mendalam apakah satu cara yang benar-benar berkesan untuk menjamin kawalan harga barang-barang itu. Apakah Kerajaan perlu meminta supaya kuasa urusan perindastrian dan pengeluaran barang-barang perkilangan itu dimasuk sama oleh wakil-wakil Kerajaan di dalamnya dengan penanaman modal dari Kerajaan atau sebagainya supaya kenyataan yang dibuat oleh pihak peniaga dan pengilang itu benar-benar tepat dan bersesuaian dengan harga yang dikatakan bertambah yang terpaksa dipikul oleh mereka itu. Sekarang saya nampak Kerajaan tidak begitu berjaya dalam mengawal harga-harga itu walaupun ada sedikit kejayaan dalam beberapa sudut yang lain. Jadi kajian mendalam seperti itu haruslah dijalankan dengan lebih segera dan kalau boleh, saya fikir, lebih baik satu pasukan perlu ditubuhkan yang terdiri daripada ahli-ahli atau pakar-pakar harga barang-barang dan juga dalam bidang perniagaan untuk menentukan bagaimana caranya Kerajaan boleh mengambil langkah yang lebih berkesan supaya harga barang-barang itu tidak akan naik.

Tuan Pengerusi, kalaulah tidak dapat kita jalankan dengan secara yang demikian, saya percaya bahawa orang-orang kampung atau kaum-kaum yang miskin di dalam negara ini akan bertambah menderita dan kalau orang-orang yang telahpun membenci ataupun anti Kerajaan akan menjalankan hasutan di kampung-kampung atau di kalangan rakyat biasa bahawa Kerajaan kita hari ini adalah hanya memberi bantuan kepada orang-orang yang berada sedangkan orang-orang yang tidak berada tetap tinggal di belakang. sedangkan dasar ekonomi baru di bawah Rancangan Malaysia Kedua tidak demikian. Apa yang perlu sekarang adalah membasmi kemiskinan dan mengimbangkan gulungan yang berada dengan yang tidak berada. Inilah harapan saya.

Selain daripada itu mengenai perkara P. 2—MIDFL di mana ada beberapa peruntukan yang diberi oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindastrian bagi menjayakan rancangan-rancangan perkilangan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah sehingga ini masih kurang benar orang Melayu melibatkan diri dalam bidang perkilangan. Saya harap supaya MIDFL mengambil tindakan yang lebih berkesan agar orang Melayu dapat turut sama menjalankan perusahaan-perusahaan itu. Kalau mereka tidak berani, atau mereka tidak ada kebolehan dan kepandaian dalam lapangan tersebut harus Kerajaan menetapkan agar pemodal-pemodal tempatan atau luar negeri mengambil orang Melayu untuk melatih dalam bidang itu dan kemudian diberi bantuan melalui MIDFL dan juga bank-bank yang dalam negeri ini untuk mereka menjalankan perusahaan sendiri.

Tuan Pengerusi, pada masa ini, saya nampak setengah daripada pengilang-pengilang ataupun pemodal-pemodal yang ada dalam negeri kita ini kurang sekali mengambil orang Melayu ataupun bumiputra

dengan ditempatkan di bidang yang boleh menambahkan pengetahuan mereka dan bernatijahkan supaya mereka dapat berdikari dalam bidang perindastrian dan perkilangan. Sebagai contoh kita nampak kaum-kaum belia tidak banyak diambil oleh pihak perusahaan-perusahaan itu walaupun belia-belia itu telah dilatih melalui Pelupur Negara, Pusat Latihan Belia, MARA dan sebagainya, tetapi menempatkan mereka oleh pihak yang tersebut di kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan mereka tidak menguntungkan, dan tidak mendatangkan penghasilan mereka yang dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri. Inilah harapan saya, Tuan Pengerusi.

Pada akhirnya, saya ingin menyentuh juga tentang pelancungan. Saya nampak pelancungan ini bagaimana diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa ada beberapa projek membuat motel, membuat itu dan ini di Pantai Timur dan antaranya termasuk di tempat saya sendiri iaitu Rantau Abang. Saya sudah lama benar dalam hal ini. Saya ingat saya belum lagi jadi Ahli Dewan Negeri pada tahun 1964 lagi, sudah sibok cerita motel di Rantau Abang, tetapi hingga sekarang ini yang adanya itu juga, nelayan cari ikan semata-mata, tidak ada lain. Yang adanya label yang mengatakan ini Pantai Penyu. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Saya harap pada masa akan datang apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dapat dibuat sungguh-sungguh. Inilah harapan saya.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** Tuan Pengerusi, saya bangun membahaskan sedikit dalam peringkat jawatankuasa mengenai Rang Undang-undang Pembekalan, 1973 dan Anggaran Pembangunan, 1973.

Yang pertama, saya suka merojok Kepala B. 16, muka 141 Pecahan-kepala 2—Bahagian Penguatkuasa. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Datuk Pengerusi, at this juncture of the debate, I would like to bring forward an incident regarding one of the most common commodities of our society, that is, the aerated-water soft drinks. The controversy over the price increase for a cup of coffee by 5 cents has led to another price increase, i.e. the increase in the price of soft drinks. As we know, in our Malaysian society, besides coffee and tea, soft drinks are one of the most common beverages which we have and especially during the festive seasons it seems to be the necessary liquid for the household and we have now to pay a price to obtain such commodity.

Datuk Pengerusi, just after the sales tax was implemented, a case of 24 bottles of soft drinks, namely, Coca Cola or 7-Up, cost about $3.20, but because lately when the price of a cup of coffee was increased by 5 cents, it is alleged that the manufacturers of soft drinks have initiated a price increase of 50 cents per case, thus raising it up to $3.70 per case. However, the retail price is increased by 5 cents per bottle, thus making it up to $1.20 per case. At the moment from this increase in price, 50 cents goes to the manufacturers and 70 cents goes to the retailers. I would like, at this juncture, to add some of the relevant details regarding the pricing of soft drinks.

As I understand it, the original price for a case of soft drinks of 24 bottles before excise duty and sales tax was below $3.00 and when the exercise duty was implemented half of the excise duty was borne by the manufacturers and the other half by the retailers and eventually by the consumers. Then when the sales tax of 5% came in—roughly about 12 cents per case—the increase was absorbed by the retailers. Tuan Pengerusi, what I am trying to bring up here is that the retailers in our country, especially in Kuala Lumpur, feel that there is no reason why the manufacturers should ask for the 50 cents increase per case of soft drinks. In the meanwhile, they are quite happy with the profits they make at the old prices. At this juncture, I have received petitions from retailers—like coffee-shop owners and even some distributors, of whom some are sales agents for these soft drinks—who said that they are quite prepared to sell the soft drinks at the old prices, at the coffee-shop rate of 25 cents per bottle for 7 Up or Coca Cola instead of 30 cents. However, the manufacturers have now pushed their products to these retailers with a 50 cents increase per case of soft drinks. Therefore, at this juncture, I would like the Ministry to make an investigation to make sure that there is a very good reason for this increase of 5 cents per bottle of soft drinks. Until and unless we do that, this question of the increase in the prices of soft drinks as compared with the increase in the price of a cup of coffee would be quite ridiculous. As we know, the reason for such an increase in price has not been well established.

From the other angle, some of the manufacturers claimed that sugar, which is one of the main ingredients for soft drinks, has increased in price. However, according to calculations, this increase in the sugar price lately has been worked out to be negligible. So, therefore, I would like the Government to take appropriate action to make sure that the general public will not suffer the payment of 5 cents increase per bottle of soft drinks.

Secondly, I would like to touch on another aspect under Kepala Bekalan 16, Kepala-kecil (6)—Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak. Datuk Pengerusi, just now I was talking on the question of soft drinks and it comes to my mind that we have now in the market Coca Cola and 7-Up and when we come to smokes we have Rothmans, Benson & Hedges and what-nots and we understand there is a heavy amount of patent or trade mark royalty to be paid to the manufacturers and this royalty will eventually be sent overseas where the original manufacturers of these products come from. Well, one may argue that we want to advance and improve in our standard of living and we want sophistication and therefore we are quite prepared to pay for patent rights of goods which were originally made overseas. But we think that at this juncture of our development, we must be very careful not to over-spend unnecessary money. I can give you an example. If patent right or trade mark royalty is paid for the essential capital equipment or machinery for industrialisation or for technological advancement, we are all for it because these are essential things. If you want to be industrialised and if you want to advance in technology and science you have got to have these equipment, otherwise you just could not do a thing.

Now take, for instance, soft drinks like 7-Up and Coca Cola; take for instance Rothmans and Benson & Hedges cigarettes. Tons of advertisements appear in the newspapers, tons of advertisements go through the television, and I hope the Government will let us know the amount of money paid to T.V. Malaysia for these advertisements for these cigarettes and soft drinks; and also how much they pay the various newspapers for the advertisements of these soft drinks and cigarettes. Of course, eventually, the consumer would have to pay for all these things. On top of it, we know that the production cost together with these advertisements make up today's prices and why they can sell the products in such tremendous quantities is because of the intensive and the overdone advertisements on these soft drinks and cigarettes. Tuan Pengerusi, for a moment, we are tempted to ask, if we were to go without rice, without food, we cannot survive, but can we not survive without Coca Cola, can we not survive without 7-Up or can we not survive without a stick of Rothmans per day? I mean these are the questions which I would like to ask. I would like to add one or two words more. We are prepared to promote buah-buahan tempatan, but we do not see local fruit juices being bottled. Instead we have all the 7-Up and Coca Cola on this note on these two items, I would say thank you.

**Tuan Goh Hock Guan (Bungsar):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, I shall be very brief. The points which I would like to touch on concern basically the need for greater regional co-operation in order to advance the industrial and the tourist development of our country. I believe, Sir, that the progress in these two fields would be greatly advanced for Malaysia if we make greater efforts to co-ordinate our programmes and campaigns with our close neighbours, especially Indonesia and Singapore. Talking to the people in the private sector dealing with tourism and industry, one cannot help but get the impression that far from co-operation being the order of the day, it is precisely the other thing which is happening—competition—and sometimes competition which takes on very undesirable features. I think we should have less of that and more of closer co-operation not only for trade and tourism but leading indirectly to the greater security of our country, which, of course, is a separate subject.

Where tourism is concerned, I believe, Sir, that if we could co-ordinate with the Indonesians and Singaporeans we can get more tourists to come to Malaysia. There are many advantages which Indonesia has got over us where the natural scenery is concerned—places like Bali, Bandung, Jogjakarta and Boro Budur. They have got greater and more superb natural assets. Singapore has got a strategic advantage over us but not much more else. We, on the other hand, Sir, have got the advantage of terrain, greater variety of natural scenery although not as spectacular as the Indonesian type, a multiracial society,

cultures and so on. Therefore, Sir, we must exploit our strength; what we have got and also the strength of our neighbouring countries and together organise joint package tours and similar co-operative ventures which must and will advance the progress of tourism in this country.

Similarly, Sir, where industry is concerned, if we have greater co-ordination, the greater scale of economies arising from the bigger population in this area would also help us. Though I do believe that a collection of basically economic pygmies—which we, Malaysia, Singapore and Indonesia are in terms of economic strength, buying power and so on—would not make us a big economic giant like the European Common Market, but nevertheless, Sir, with a little bit more co-operation, there are various industries which we can develop to the mutual advantage of all our countries.

Similarly, where shipping is concerned—I see here there is one item on the National Shipping Line—there is no use in our making all the efforts to promote exports of our products and setting up industries with the objective of export promotion, if we are unable to break the monopoly of the Far East Shipping Conference and if we are unable to provide an alternative of our own—cheaper, and more efficient than what we have got now. The scale of shipping and the cost of shipping are such that again regional co-operation with the Singaporeans and the Indonesians would help us to a great extent to break the present monopoly of the other chaps. So, Sir, I believe we must look into these things very closely.

Now, I would like to just touch on the item regarding Sharikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd. Sir, the setting up of the explosive factory has been in the news for 5, 6, or 7 years and up to today one is not quite sure what this Sharikat has produced. I hope when the Deputy Minister comes to reply he might inform this House and give us an idea of the type of product which has come out of this factory. I believe, Sir, it is absolutely essential that we should be self-sufficient at least in the production of the smaller bullets which are required by our Armed Forces, if not the major ones, because once a war really starts here it is too late to go around getting supplies from overseas and so on. So we must be self-sufficient in that, we must be self-sufficient in all the armaments which are the basic standard equipment of our Armed Forces. Self-sufficiency must be aimed at and I hope it has already been achieved.

I just want to come to one last item, Sir, and that is, we must look at the whole Pacific region. We are now on the threshold of a new era in which the whole Pacific Basin will be opened up for both tourism and trade and I believe, Sir, that Malaysia is fairly strategically located on the fringe of this Pacific Basin where West Malaysia is concerned, but where East Malaysia is concerned—i.e., Sabah and Sarawak—we are almost in the heart of the Pacific Basin. I do not know whether the Government is conscious of this strategic location where Sabah and Sarawak are concerned, but certainly people in the tourist industry, if you talk to them, they are very conscious of this strategic location of Sabah. Sabah is right in the heart of the Pacific Basin and this is one reason why a lot of foreign capital is now pouring into Sabah because they see the Pacific area being opened up with the ending of the Vietnam War and with the opening up of the People's Republic of China, North America, South America, Japan and we are all fronting onto this Pacific Basin. So I hope the new Deputy Minister of Trade and Industry will spend some time looking at the map of Sabah and Sarawak in relation to the whole of the Pacific Basin and develop that eastern part of our country to a greater degree than has hitherto been done.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membuat pandangan-pandangan, pendapat-pendapat serta kritik-kritik dalam masa perbahasan kita pada hari ini dan pada hari semalam.

Kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berani menyatakan bahawa boleh dikatakan semua daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi ucapan masing-masing telah menarik perhatian saya dan Kementerian saya dalam soal berhubung dengan kenaikan harga dan oleh sebab itu, saya tidaklah bercadang untuk menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatunya. Dan sukalah saya mengambil masa sedikit untuk menghuraikan kedudukan ini dengan seberapa bolehnya untuk pengetahuan rakyat jelata dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, nampaknya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap terutama sekali mereka yang datangnya daripada pihak Pembangkang, mereka telah keliru dari segi apakah dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini di dalam soal mengawal harga barang-barang keperluan di dalam negara kita.

Yang pertamanya, saya suka menyatakan bahawa setakat kemajuan negara dan keadaan di dalam negara kita ini, Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah di mana kita melaksanakan satu dasar ataupun policy price control. Apa yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini ialah supaya kita dapat mengawasi dan menentukan bahan-bahan keperluan hari-hari yang ada hubungannya dengan pembangunan negara kita dan kehidupan rakyat jelata supaya harga barang-barang ini tidak dinaikkan dengan sesuka hati mereka sahaja untuk keuntungan mereka dengan tidak mengira akibahnya kepada rakyat dan dasar serta perlaksanaan pembangunan negara kita pada masa ini. Misalnya pada masa ini di dalam soal gula di negara kita haruslah kita faham bahawa baharu-baharu ini soal yang telah berbangkit berhubung dengan gula bukanlah soal kenaikan harga ataupun soal kekurangan gula sebagai keadaan yang sebenarnya, tetapi ialah soal bagaimana gula telah tidak bergerak sehingga sampai ke tangan pengguna-pengguna. Nampaknya, di dalam pengalaman Kerajaan hendak mengawasi kedudukan gula ini, apa yang terjadi ialah bahawa mereka yang bertanggungjawab menjual gula telah menyimpan gula ataupun di dalam bahasa Inggeris "hoarding" dengan harapan bahawa harga gula akan naik dan mendapat keuntungan dengan apa yang dikenal dalam bahasa Inggeris "profiteering! Apabila saya sendiri telah mengambil ataupun memegang jawatan Timbalan Menteri, boleh dikatakan dalam satu dua hari sahaja, soal inilah yang telah menjadi soal besar yang telah saya hadapi, dan saya telah menentukan keadaan yang sebenarnya dan berdasarkan kepada pengetahuan yang telah saya dapati, maka saya telah memberi amaran kepada mereka yang bertanggungjawab supaya janganlah mereka menyimpan gula dengan cara "hoarding" dengan harapan mendapat keuntungan yang berlebih-lebihan. Apa yang terjadi ialah bahawa gula ada, tetapi tidak bergerak.

Di dalam keadaan seperti begini pada masa-masa yang akan datang ataupun baharu-baharu ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas dan Kerajaan ada kuasa di bawah undang-undang di dalam negara kita ini untuk menggerakkan gula ini, untuk menjual gula terus kepada pengguna-pengguna dan sekiranya misalnya di dalam soal gula. Kalau barang ini tidak bergerak di dalam masa yang telah saya berikan kepada perniaga-perniaga gula, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan seperti yang ada dalam kuasa Kerajaan sendiri. Soal gula sama juga dengan soal tepong misalnya. Dan beberapa bahan-bahan keperluan yang telah ditentukan oleh Kerajaan, kalau tidak bergerak kerana menyimpan dengan cara "hoarding" dengan harapan mendapatkan keuntungan yang tinggi, maka Kerajaan setelah mempastikan kedudukan ini akan mengambil tindakan tegas seperti di dalam keadaan gula.

Ada Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa di dalam negara kita ini haruslah kita jalankan satu atau melaksanakan dasar price control. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa perlaksanaan dasar price control yang biasanya diambil di dalam keadaan dharurat—peperangan dan sebagainya di dalam negara-negara di dalam dunia ini dan merupakan satu langkah yang betul-betul keras dan mengakibahkan kedudukan ekonomi pada keseluruhannya di dalam negara yang berkenaan itu. Pada masa ini, Kerajaan tidak ada bercadang hendak mengambil langkah sepertimana yang dicadangkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang terutama sekali, kerana di masa inilah langkah ini tidak perlu dijalankan dan kita cuma memberitahu kepada mereka yang berkenaan—perniaga-perniaga bahawa sekiranya mereka mendapat keuntungan dari segi jangka pendek, mereka akan mendapat kerugian dari segi jangka panjang oleh sebab akibatnya kepada ekonomi dan kehidupan rakyat jelata di dalam negara ini akan menjadi buruk dan mengkibahkan kedudukan perniagaan mereka sendiri buruk di dalam negara kita ini. Janganlah dipersoalkan dari segi tujuan ataupun hasarat Kerajaan di sini. Apa juga langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kerajaan ialah semata-mata untuk kepentingan rakyat jelata dan bukan untuk kepentingan sesuatu pihak sahaja dan saya percaya pihak peniaga-peniaga di dalam negara kita ini pun sedar setelah saya sendiri dan pegawai-pegawai

saya bertemu dengan mereka bahawa mereka haruslah bekerjasama dengan Kerajaan ke arah menstabilkan harga barang-barang di dalam negara kita ini.

Soal yang kedua yang telah dibangkitkan oleh banyak daripada Ahli-ahli yang ada kaitan dengan soal harga ini, ialah soal kedudukan Bahagian Penguatkuasa. Bahagian Penguatkuasa ini sebetulnya baharu sahaja ditubuhkan pada tahun yang lepas, kalau tidak salah saya dipertengahan tahun 1972, lebih kurang 6 bulan sahaja umurnya, dan saya suka mengambil kesempatan disini bahawa sungguhpun umurnya baharu sahaja 6 bulan, pegawai-pegawai ini telah dapat menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan seperti mana Kerajaan menghadapi soal gula baharu-baharu ini. Apakah tugas-tugas mereka seperti yang ditanya oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat daripada DAP, apakah tugas mereka?

Tugas-tugas mereka ialah:

(*a*) Menguatkuasakan undang-undang yang ada di dalam negara kita ini berhubung dengan harga barang-barang;

(*b*) Menentukan bahawa rakyat jelata tidak ditipu;

(*c*) Menentukan bahawa peniaga-peniaga sendiri dapat bertanding diantara satu sama lain dengan cara yang adil.

Itulah sebabnya misalannya dikenakan satu cara penjualan dimana penjual-penjual dikenakan menunjukkan harga tiap-tiap satu barang, kalau tidak salah saya, lebih kurang 84 barang yang telah digazettekan supaya barang-barang ini ditunjukkan harga. Dan tunjukkan harga ini ataupun dalam bahasa Inggeris, price tagging, bukanlah sama dengan price control. Oleh sebab pada masa-masa yang lepas dengan tidak adanya penunjuk harga, rakyat jelata telah dapat ditipu helah dari segi harga tiap-tiap satu barang yang dijual. Kesan daripada price tagging yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ini telah menunjukkan bahawa rakyat jelata diberi peluang untuk memilih barang-barang yang baik dan harga yang rendah diantara peniaga-peniaga di dalam negara kita ini. Kami berpendapat bahawa price tagging ini akan menentukan quality ataupun mutu barang-barang yang dijual dan harga barang-barang yang dijual itu supaya barang-barang ini dapat dibeli oleh rakyat jelata dengan harga yang berpatutan dan harga dimana dapat dipilih setanding dengan harga-harga lain yang hendak dijual oleh peniaga-peniaga di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, di dalam soal menentukan harga yang adil, harga baik di dalam negara kita ini, saya sukalah menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa sahaja tidak akan dapat menjalankan tugas masing-masing kalau diberikan tanggungjawab bulat-bulat kepada mereka. Itulah sebabnya di dalam masa kita menghadapi soal gual dahulu, saya telah merayu kepada rakyat jelata, kepada badan-badan persatuan terutama sekali kepada Persatuan-persatuan Pengguna supaya mereka melapurkan keadaan harga-harga di dalam kawasan masing-masing. Saya berharap Ahli-ahii Yang Berhormat, terutama sekali mereka dari pihak Pembangkang janganlah menunggu hingga kita mengatakan persidangan mesyuarat Parlimen mengatakan: Di kawasan saya harga naik 60 sen. Kalau mereka betul menjalankan tugas mereka apabila mereka dapat tahu keadaan yang tidak adil dari segi harga, tolonglah terus berutus ataupun memberitahu Kementerian saya supaya dapat kita terus menyemak ataupun pergi melihat atas keadaan yang sebenarnya dan membuat siasatan yang tertentu. Di dalam hal ini, saya sukalah menyatakan bahawa oleh sebab Kerajaan hendak menentukan harga yang adillah maka Kerajaan sendiri telah menubuhkan atau menggalakkan penubuhan Persatuan-persatuan Pengguna diseluruh negara kita ini, dan adalah diharapkan bahawa pada masa-masa yang akan datang Persatuan-perstuan Pengguna ini makin lama makin kuat dan betul-betul diawasi dan dianggotai oleh rakyat jelata yang suka melihat keadaan stabil di dalam soal harga di dalam negara kita ini. Dan saya suka mengucapkan terima kasih kepada mereka, kepada Persatuan-persatuan Pengguna itu yang telah memainkan peranannya yang bertanggungjawab di dalam masa Kerajaan menghadapi soal gula di dalam dua minggu yang lepas.

Dan dari segi Penguatkuasa, saya suka menyatakan juga bahawa keanggutaan Jabatan Penguatkuasa ini akan dilipat gandakan di dalam bulan hadapan, kalau tidak salah saya, apabila kita akan dapat pegawai-pegawai baharu yang sedang diinterview dua tiga hari pada masa ini. Dan diharapkan bahawa dengan adanya Pegawai-pegawai Penguatkuasa ini dan dengan kerjasama saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat, Persatuan-persatuan Pengguna, maka dapatlah kita mengawasi kedudukan harga ini

dengan berkesan ataupun lebih berkesan daripada masa sekarang.

Satu lagi soal berhubung dengan harga yang telah dibangkitkan ialah soal berapa lama kita dapat menjaminkan harga barang-barang ini tidak naik. Sebagai seorang yang realistic tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa harga barang-barang keperluan hari-hari, harga barang-barang makanan oleh sebab dipengaruhi oleh beberapa faktur yang tertentu yang telah berkali-kali disebutkan di dalam Dewan ini, tidak dapat ditentukan, di jaminkan di dalam masa yang terlampau panjang. Apa yang dibuat oleh Kerajaan pada masa ini ialah bahawa di Kementerian Perdagangan dan Perindasterian sudahpun ada satu Jawatankuasa mengawasi harga-harga yang bermesyuarat tiap-tiap kali mengawasi harga-harga, memangil serta bertanya dengan tegasnya sebab-sebab sesuatu barang itu hendak dinaikkan harganya, dan kalau kita tiada puas hati dengan permintaan daripada pengeluar-pengeluar ini, kita tidak akan membenarkan harga-harga ini naik.

Kalau betul-betul barang ini kurang, kalau betul misalnya harga pasaran dunia betul-betul naik, maka tentulah Kerajaan tidak berdaya-upaya untuk menahannya. Apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan pada masa ini ialah seberapa boleh menolong membantu, mengurangkan kenaikan harga barang-barang ini dengan cara-cara mengurangkan cukai dan sebagainya. Di dalam soal gula misalnya, saya suka menyatakan bahawa kalau diikuti harga pasaran gula, mengikut pasaran dunia pada masa sekarang ataupun harga pasaran gula mentah pada masa sekarang, Kerajaan terpaksa mengenakan harga gula sebanyak 56 sen sekati. Tetapi pada masa ini kita kenakan 45 sen sahaja, bermakna bahawa tiap-tiap satu kati gula yang dijual kepada rakyat sebanyak 45 sen, Kerajaan sendiri terpaksa memberi subsidi sebanyak 11 sen tiap-tiap satu kati. Begitu juga keadaan di Malaysia Timur.

Tuan Pengerusi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sedar di atas soal atau masaalah yang sedang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini untuk menjaga dan mengawasi kepentingan rakyat terutama sekali di dalam soal harga barang-barang. Saya fikir tidak payahlah saya sebutkan dengan lebih panjang lebar lagi dalam soal harga ini, cuma saya suka menegaskan sekali lagi bahawa bila-bila masa juga soal ini berbangkit, pihak Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang tegas asalkan soal yang dihadapi oleh rakyat ini benar ialah disebabkan ekploitasi pengeluar-pengeluar bahan-bahan yang berkenaan ke atas rakyat jelata dari segi harga barang-barang yang hendak dijual oleh mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, soal yang kedua yang suka saya sentuh, yang telah dibangkitkan oleh satu dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berhubung dengan soal dasar kemajuan indastri di dalam negara kita ini. Dipersoalkan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat menyatakan siapa yang mendapat keuntungan. Saya tidak tahu samada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ada pengetahuan dari segi ekonomi ataupun dari segi pembangunan negara, tetapi kita tentulah sedar bahawa disebabkan dasar pembangunan indastrilah, maka banyak daripada rakyat jelata di dalam negara kita ini telah dapat hidup lebih sempurna daripada masa-masa dahulu dan lebih sempurna, kalau dibandingkan dengan kehidupan negara-negara yang masih belum dapat menjalankan dasar industrialisation ini.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah merayu kepada Kerajaan supaya indastri-indastri diharapkan biarlah dibawa ke luar bandar, ada yang menyebutkan kawasan masing-masing dengan rayuan-rayuan masing-masing. Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan memanglah sedar atas keadaan ini dan sedar bahawa kalaulah indastri-indastri boleh dibawa ke desa misalnya, maka soal pengangguran di desa juga akan dapat di atasi dan kearah inilah maka di dalam sidang Parlimen kali ini Kerajaan sendiri, pihak Kementerian sendiri akan membawakan satu pindaan rang undang-undang, kalau tidak salah saya dinamakan Rang Undang-undang Location Incentive (Amendment) Bill yang sedang dibentangkan di dalam Dewan ini dan Rang Undang-undang ini membuktikan bahawa Kerajaan sudahpun menjalankan siasatan-siasatan dan akan melaksanakan rayuan-rayuan yang telah dibuat oleh ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Soal yang dibangkitkan dari segi gaji pekerja-pekerja dan sebagainya, memanglah menjadi kesedaran di kalangan Kerajaan dan saya percaya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mengkaji kedudukan ini pada keseluruhannya. Oleh sebab itu, saya tidaklah menyentuh dengan panjang-lebarnya

kerana ini adalah soal yang ada hubungan dengan dasar buruh negara kita ini.

Dari segi perindastrian juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanya dari segi penyertaan bumiputra. Kalau tidak salah saya, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan soal penyertaan bumiputra dan soal tanaman modal bumiputra di dalam indastri-indastri. Saya suka menyatakan bahawa memanglah telah menjadi satu syarat kepada syarikat-syarikat yang diberi pioneer status bahawa sekurang-kurangnya 20% daripada pekerja-pekerja mereka hendaklah, seberapa boleh, terkandung daripada bumiputra, terutama sekali dari segi tanaman modal dan 50% daripadanya, sekurang-kurangnnya dikehendaki modal datang daripada warganegara kita. Jadi tidak benarlah apabila dia mengatakan 60% dari luar. Sebetulnya 49% dari luar dan 51% dari dalam. Daripada 51% ini dikehendaki seboleh-bolehnya 20% daripada bumiputra sendiri.

Soal industrial policy ini sangatlah penting dari segi Kerajaan dan saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan telah menentukan sebagai dasar bahawa pelaburan dari luar negeri sangat penting. Ada yang bertanya dari segi dasar, atas kemungkinan akibah-akibah buruk disebabkan oleh penanam modal di dalam negara kita ini. Dan kita sedar pihak Kerajaan sedar dari segi bahaya ini, oleh sebab kita dapat tahu keadaannya di dalam negara-negara lain. Oleh sebab itulah maka Kerajaan telah menggubal syarat-syarat yang tertentu di mana kita akan dapat menentukan bahawa Kerajaan sendiri tidak memberi kuasa sepenuh-penuhnya yang akan membahaya kepentingan negara kita. Pendek kata pada keseluruhannya syarat-syarat untuk penanaman modal di dalam negara kita ini ialah merupakan syarat-syarat yang telah dikaji dengan sehalus-halusnya oleh Kerajaan supaya kepentingan rakyat jelata dan kepentingan ekonomi negara diutarakan sangat-sangat oleh pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, soal pelancungan telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya suka menyatakan bahawa Perbadanan Pelancungan juga ialah merupakan satu perbadanan yang baharu. Baharu ditubuhkan oleh Kerajaan dan pada masa ini perbadanan ini telah dengan pesatnya menjalankan rancangan-rancangan yang tertentu supaya indastri pelancungan kita akan dapat menambahkan pendapatan negara kita pada masa-masa yang akan datang. Sebetulnya penghargaan dari segi indastri pelancungan di dalam negara kita ini masih baharu sahaja disedari oleh rakyat jelata. Persidangan PATA yang baharu-baharu ini diadakan ini telah membangkitkan semangat kesedaran di segala lapisan rakyat atas pentingnya pelancungan sebagai indastri di dalam negara kita ini. Jadi pada masa ini tentulah timbul soal kurang kesedaran di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan ataupun penghargaan pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana pentingnya kita betul-betul menjaga kepentingan pelancung yang datang di dalam negara kita ini.

Dari semasa kesemasa saya fikir rakyat jelata akan sedar dan rakyat jelata sendiri akan dapat memainkan peranan mereka menjaga kebersihan, kecantikan negara kita ini, menjaga nama baik negara kita ini, berbudi bahasa kepada pelancung-pelancung dan tanda-tanda sudahpun menunjukkan bahawa negara kita ini semakin sehari memang semakin terkenal sebagai pusat pelancungan yang menarik di dalam dunia ini. Saya percaya pelancungan akan menjadi satu indastri yang penting pada masa akan datang dengan perkembangan aktiviti-aktiviti Perbadanan Pelancungan dan dengan kerajaan Negeri di dalam negara kita ini untuk mengutamakan dan menegaskan bagaimana pentingnya indastri pelancungan di dalam negara kita.

Di dalam soal perdagangan antarabangsa beberapa soal telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan tidak bolehlah dinafikan bahawa perdagangan antarabangsa pada masa-masa yang akan datang akan merupakan sektor perdagangan dan sektor perindastrian negara kita yang penting. Pada masa ini negara-negara yang sedang membangun dan negara-negara yang maju telah sedar dan bertukar corak dari segi dasarnya bahawa apa yang dikehendaki oleh tiap-tiap negara di dalam dunia ini bukanlah penolongan ataupun aid ataupun bantuan wang dan kebendaan dengan hutang ataupun mendapat bantuan diberi oleh mereka-mereka sendiri kepada negara-negara yang miskin ini sahaja, tetapi perdagangan antarabangsa, "trade" not "aid" di dalam bahasa Inggeris, semakin lama semakin jelas, lantang disuarakan oleh negara-negara yang sedang membangun terutama sekali, dan memanglah ditegaskan oleh negara-negara yang sedang membangun terutama sekali Malaysia bahawa sekiranya perdagangan antarabangsa

tidak ditumpukan tenaganya oleh negara-negara yang sedang maju, maka negara-negara yang sedang membangun semakin lama semakin ketinggalan dan sekiranya kita negara-negara yang sedang membangun ketinggalan di dalam keadaan miskin, maka timbullah soal ketegangan antarabangsa ataupun tension dari segi international di dalam dunia ini.

Mereka sedar atas bahaya kedudukan perdagangan antarabangsa ini kalau tidak dapat ditumpukan tenaga negara-negara yang sudah membangun keatas negara-negara yang sedang membangun. Jadi apa yang harus dan sedang dibuat oleh Kerajaan ialah untuk menentukan apakah bahan-bahan yang boleh kita jual ke negara-negara itu. Tentulah pada saat ini masih belum dikenal lagi barang-barang buatan dari Malaysia oleh sebab kita harus membuktikan bahawa barang-barang yang hendak dijual oleh kita itu ialah dengan mutu (quality) yang baik. Kalau pada masa dahulu kita mengatakan barang-barang buatan dari Negeri Jepun mutunya sangat rendah terutama sekali sebelum perang, tetapi sekarang barang-barang buatan daripada Jepun mutunya begitu tinggi dan semakin lama negara Jepun telah maju di dalam perdagangan antarabangsa kerana mutu perbuatan negara ini sangat tinggi dan boleh bertanding dengan perbuatan ataupun pengeluaran negara-negara lain yang telah begitu lama maju di dalam dunia ini.

Jadi inilah yang sedang ditegaskan oleh Kerajaan dan inilah sebabnya maka indastri-indastri yang ada dan akan dibuat di dalam negara kita ini digalakkan supaya mutunya semakin lama semakin baik supaya dapat kita mengenalkan barang-barang, bahan-bahan yang hendak dijualkan oleh kita ini kepada dunia luar. Soal perdagangan antarabangsa ini memanglah menjadi boleh dikatakan priority ataupun keutamaan ataupun kemudahan keutamaan yang tinggi di dalam Kementerian saya pada masa ini dan pada keseluruhannya kita memang sedang mengkaji atas kesan yang telah didapati pada masa-masa yang lepas dan bagaimana cara-caranya kita akan dapat memperhebatkan langkah-langkah kita berhubung dengan perdagangan antara bangsa.

Dari segi negara-negara, saya sukalah menyatakan di sini bahawa setelah kita mengenalkan kemungkinan pasaran di dalam sesuatu kawasan barulah kita mengadakan langkah-langkah supaya dapat kita menjual barang-barang kita di dalam kawasan-kawasan yang tertentu itu, misalnya di Eropah Barat, pasaran Eropah bersama dipandang sebagai penting, di Amerika Syarikat dipandang sebagai penting, di Jepun dipandang sebagai penting. Kita tubuhkan ataupun kita lantik wakil-wakil kita di dalam negara-negara itu. Telah dibangkitkan soal perusahaan kilang bersama dengan negara Repablik Cina misalnya. Saya tak berani hendak menentukan kemungkinan ini oleh sebab kita sendiri belum dapat mempastikan apakah dasar Kerajaan Republik Rakyat Cina di dalam soal perusahaan bersama misalnya. Kalau mereka sedia berkongsi dengan kita mengikut syarat-syarat yang ada di dalam negara kita ini, kita akan menjalankan perusahaan bersama, bukan sahaja dengan negeri Cina tetapi dengan negara-negara mana jua yang sedia patuh dan sedia mengambil bahagian dan peranan di dalam pembangunan negara kita ini.

Di Eropah Timur misalnya, pada masa ini bahagian perdagangan antarabangsa Kementerian ini sudah pun ada wakil-wakilnya seperti di Moscow dan Vienna. Vienna ialah pusat perdagangan antarabangsa bagi negara kita untuk kawasan Eropah Timur pada masa ini.

Tuan Pengerusi, ada satu dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya nampak penting dan harus saya jawab dengan tegas sebelum saya duduk.

Yang pertama sekali, ialah apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu berhubung dengan rombongan perdagangan yang telah dihantarkan ke Eropah Timur oleh PERNAS. Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyatakan rombongan itu telah pergi ke Eropah Timur dan menandatangani suatu perjanjian untuk menjual kayu di Eropah Timur, tetapi apabila mereka balik di dapati bahawa kayu yang hendak dijual itu tidak ada, katanya. Saya suka menyatakan di sini bahawa apa yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar langsung. Pihak PERNAS tidak pernah membuat perjanjian menjual kayu di negara-negara Eropah Timur di dalam rombongan perdagangan mereka ke Eropah Timur baru-baru ini. Mereka telah membincangkan kemungkinan menjual:

(1) Getah;

(2) Bijih timah;

(3) Kelapa Sawit; dan

(4) Nenas.

Masaalah kayu tidak ada dibincangkan. Entah di mana dia dapat keterangan ini tak tahulah saya, barangkali daripada sahabat-sahabat lamanya daripada Eropah Timur pada suatu masa dahulu agaknya sewaktu dia diterima sebagai seorang sosialis.

Yang kedua, saya suka menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan berhubung dengan soal batik. Saya suka menyatakan bahawa sebenarnya soal yang dihadapi oleh perusahaan batik ini bukanlah soal tidak dapat pasaran, tetapi soal tak cukup hendak memenuhi permintaan-permintaan yang telah diterima daripada negara-negara luar, begitu terkenal batik di negara kita ini. Dan saya suka menyatakan juga bahawa pada saat ini juga Kerajaan sedang mengkaji satu lapuran daripada satu Task Force yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1970 dahulu di atas segala soal-soal yang ada hubungan dengan pengeluaran dan perusahaan batik ini. Adalah diharapkan bahawa daripada Task Force ini, maka dapatlah kita menentukan masa hadapan batik atau pun perusahaan batik di dalam negara kita ini.

Soal yang tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Yang Berhormat dari Batu Gajah ialah berhubung dengan kedudukan Syarikat Gemini Chit Fund. Saya suka menyatakan bahawa syarikat ini ialah syarikat asing iaitu syarikat Singapura yang telah didaftarkan di Malaysia ini dan tidaklah benar apabila dikatakan bahawa semua asset syarikat ini telah pun dihapuskan, oleh sebab pada masa ini asset ini ialah di dalam pegangan seorang pegawai penerima atau Official Receiver yang telah dilantik sebagai liquidator asset tersebut. Jadi inilah keterangan sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, banyak lagi soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi saya tidaklah berhajat untuk menjawab satu persatunya dan saya suka mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa pada masa ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum saya baharu sahaja memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri di bawah Menteri Perdagangan dan Perindastrian sendiri yang dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri kita dan pada masa ini pihak Kerajaan sedang mengkaji pada keseluruhannya dasar-dasar dan perlaksanaan dasar-dasar di dalam Kementerian ini. Jadi apa juga pendapat-pendapat dan kritik-kritik serta pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah pun dicatitkan dan saya percaya akan menjadi sangat-sangat berguna kepada kami untuk menentukan supaya Kementerian ini akan dapat menjalankan tugasnya yang difikirkan sangat-sangat penting di dalam zaman pembangunan negara kita yang kita kasehi ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon supaya anggaran Perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perindastrian ini diterima dan dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan sebagai Jadual.

Masaalah di kemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $17,525,280 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan $5,205,275 untuk Kepala P. 16 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

*Kepala-kepala B. 17, B. 18, P. 17 dan P. 18—*

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan peruntukan bagi tahun 1973 sebanyak $8,253,321 di bawah Kepala Bekalan 17 dan sebanyak $2,213,540 di bawah Kepala Pembangunan 17 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sebanyak $727,400 di bawah kepala Bekalan 18 dan sebanyak $277,800 di bawah Kepala Pembangunan 18 Muzium Negara menjadi sebahagian daripada jadual. Pecahan jumlah-jumlah Belanja Mengurus bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebanyak $8,253,321 dan bagi Muzium sebanyak $727,400 itu adalah seperti berikut:

| *Butiran* | *Kementerian* | *Muzium Negara* |
|---|---|---|
| | *B. 17* | *B. 18* |
| Gaji ... ... | $3,548,435 | $506,000 |
| Perkhidmatan dan Bekalan ... ... | 3,301,425 | 185,300 |
| Pembelian Harta Modal ... ... | 174,361 | 35,000 |
| Pemberian dan Bayaran Tetap ... | 1,229,100 | 1,100 |

Dengan perbelanjaan sebanyak yang dipinta itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1973 akan terus

memainkan peranaan yang lebih besar lagi bagi mencapai matlamat utama negara kita iaitu Perpaduan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menerangkan dengan lebih lanjut lagi tentang kegiatan-kegiatan ketiga-ketiga bidang kebudayaan, belia dan sukan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1973 dan tahun-tahun berikutnya.

KEBUDAYAAN

Kebudayaan harus ditinjau dari segi peranannya menyatu-padukan rakyat. Malaysia yang sudah mencapai kemerdekaan harus mempunyai identitinya sendiri bukan sahaja sebagai melambangkan kemerdekaan itu tetapi yang lebih penting ialah bagi menimbulkan ciri-ciri di mana semua warganegara yang taat dan setia kepada negara ini mendukong dan berbangga kepadanya. Rakyat Malaysia perlukan beberapa petanda-petanda, nilai-nilai moral dan esthetika dan persepsi hidup yang dipegang bersama. Dengan keadaan yang demikian, iaitu dengan menekankan persamaan-persamaan atas dasar unsur-unsur budaya yang berpokok sama maka dapatlah kita mengecilkan mirip masyarakat untuk mengalas segala-galanya kepada ras atau bangsa asainya.

Dalam mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan, kita harus mempunyai satu permulaan. Kita tidak dapat mengambilnya begitu sahaja dari segala yang ada di dunia ini dengan tidak memikirkan apakah ianya sesuai atau tidak bagi masyarakat kita. Kita semua sedar bahawa satu kebudayaan yang disanjung bersama oleh semua kaum di Malaysia masih belum ada lagi. Dalam pada itu kita juga harus sedar bahawa satu kebudayaan yang tumbuhnya dari bumi kita sendiri dan hidup subur telah pun ada. Inilah kebudayaan yang dipanggil "native to the soil" atau paling tidak asing bagi masyarakat kita dan kebudayaan inilah yang paling sesuai dijadikan asas permulaan atau teras kebudayaan kebangsaan kita.

Dalam hal ini perlu saya tegaskan bahawa dengan penerimaan kebudayaan asii yang telah ada di negara kita sebagai teras kebudayaan kebangsaan, tidaklah bermakna bahawa kebudayaan lain ditolak sama sekali daripada menyumbangkan unsur-unsur yang dapat menyegarkan kebudayaan kita. Di sepanjang sejarah perkembangan kebudayaan kita ianya telah dapat menerima unsur-unsur berbagai kebudayaan yang datangnya dari luar rantau ini. Tidak ada sebab mengapa proses ini tidak dapat diteruskan. Sesungguhnya Konggeres Kebudayaan Kebangsaan yang bersidang dalam bulan Ogos, 1971 sendiri membuat keputusan bahawa unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai perlu diterima dan bahawa sikap purisma dalam kebudayaan harus diketepikan. Di samping itu juga, ada unsur-unsur dari kebudayaan kita sendiri yang perlu diubah kerana tidak sesuai dengan peralihan masa dan kehendak zaman. Dasar yang liberal ini diterima oleh Kerajaan, dan kerana itu masyarakat tidak perlu berasa cemas atau bimbang. Adalah tanggungjawab kita semua cuba menyumbang kepada memperkayakan kebudayaan kita dengan tidak menekankan bangsa dan menimbulkan polarisasi bangsa, dan segala sokongan dan sumbangan itu memang saya harap-harapkan. Inilah tunas-tunas permulaan yang nanti akan kita wariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Tuan Pengerusi, bagi maksud mencapai matlamat yang ditujukan itu, Kementerian saya mengatur langkah-langkah memperbanyakkan bahan-bahan kebudayaan kebangsaan, memperkenal serta mempopularkan unsur-unsur kebudayaan itu serta membimbing, menggalak dan melatih peminat-peminat dan bakal-bakal pendukong dan pengembang kebudayaan kebangsaan; menggalak pernyertaan dan sumbangan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan dan menjalankan usaha-usaha mengubahsuai, mengeksperimen dan membaiki mutu kesenian kebudayaan kebangsaan.

Kementerian ini memberi keutamaan mengenai kegiatan-kegiatan yang boleh mengukuh kedudukan serta mempopular dan mengenalkan kebudayaan kebangsaan yang dijalankan dalam negeri. Usaha memperkenalkan kebudayaan kebangsaan di luar negeri, oleh sebab yang demikian, adalah dihadkan melalui filem-filem dan dengan cara menggalak warganegara Malaysia di luar negeri mengadakan kegiataan-kegiataan kebudayaan sendiri.

BELIA

Dalam melaksanakan strateji belia untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negara dan juga mengatasi masaalah pengangguran dikalangan belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejak akhir bulan Oktober tahun lalu telah memberi tekanan (emphasis) yang lebih kepada penyertaan

yang aktif dalam semua kegiatan nasional yang ada hubungannya dengan belia-belia dan usaha-usaha mengatasi pengangguran. Kementerian tidak akan hanya menumpukan kepada soal-soal rumahtangga sahaja seperti perkara-perkara yang berhubung dengan Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Peretak. Langkah baharu ini akan dapat memberi makan dan kesan yang lebih besar kepada penyertaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam semua bidang kegiatan nasional bagi mencapai matlamat pembangunan negara, khasnya yang berhubung dengan belia.

Misalnya dalam bidang latihan kemahiran untuk belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang ini telah menjalinkan satu kerjasama yang rapat antara ajensi-ajensi latihan kemahiran yang lain seperti MARA, Pusat Latihan Perusahaan, Kementerian Buruh dan Kementerian Pelajaran. Kementerian berpendapat inilah peranaan yang lebih sesuai kerana Kementerian yakin bahawa segala usaha untuk memberi latihan kepada belia-belia, samada yang dijalankan oleh Kementerian ini sendiri atau pun ajensi-ajensi lain, mestilah dijalankan dalam bidang penyelarasan latihan untuk belia dan pengujudan satu sistem latihan yang integrated dan mempunyai sistem persijilan (certification) yang separa dan diakui sebagaimana yang sedang diusahakan oleh Lembaga Latihan Perusahaan Pertukangan dan Persijilan Negara iaitu dalam Bahasa Inggerisnya National Industrial Trade and Training Certification Board (NITTCB), dan NACIT iaitu Majlis Penasihat Latihan Perusahaan Negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari juga bahawa segala rancangan yang berhubung dengan belia dan latihan kemahiran untuk mereka bukanlah hanya menjadi tanggungjawab bagi Kementerian ini atau pun tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi ia juga hendaklah menjadi tanggungjawab nasional dan untuk melaksanakannya, mesti juga mendapatkan sokongan dan kerjasama dari pihak swasta khususnya dan masyarakat amnya.

Oleh itu dalam usaha-usaha untuk menarik penyertaan pihak-pihak swasta dan masyarakat bagi sama-sama menjalankan tanggungjawab untuk mengatasi masaalah pengangguran, Kementerian ini telah memperhebatkan gerakannya dengan membuat perhubungan dengan pihak-pihak tersebut serta menubuhkan badan-badan penasihat yang mempunyai banyak wakil dari pihak swasta. Dengan tertubuhnya sebuah Seksi tambahan dalam Bahagian Belia yang dinamakan Biro Bimbingan Belia, maka kegiatan Kementerian ini dalam bidang ini akan dapat menjamin kejayaan yang lebih positif dan lebih meluaskan kerana tumpuan 100% melalui kegiatan Biro ini dapat diberikan. Dengan pelancaran projek Latihan Sambil Bekerja maka pihak swasta dan masyarakat telah diberi kesempatan untuk sama-sama memberi latihan kemahiran kepada belia-belia dan kemudiannya pekerjaan. Dan dengan Projek Belia Peladangnya pula terjalinlah satu kerjasama antara Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan pada peringkat pentadbiran dan antara pergerakan-pergerakan belia dan persatuan-persatuan peladang dan juga masyarakat di kalangan rakyat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tuan Pengerusi, juga menyedari bahawa banyak perkara yang dijalankan oleh Kementerian juga menghendaki penyertaan daripada kaum belianya. Dengan ini Kementerian telah memberi peluang penyertaan kepada pergerakan-pergerakan belia dalam melaksanakan projek-projek yang diuruskan sendiri oleh Kementerian ini dan juga projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian lain yang difikirkan bersesuaian untuk penyertaan belia.

Jadi dengan tindakan ini maka masaalah pengangguran, yang menjadi masaalah nasional yang melibatkan belia secara langsung dan juga tugas membimbing angkatan belia ke arah memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negara akan dapat sama-sama dipikul oleh semua gulungan dalam mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memainkan peranan sebagai ajensi penyelaras. Kementerian yakin strateji "integrated approach" ini akan membawa hasil dan kesan yang lebih meluas.

SUKAN

Dalam usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaju dan meninggikan taraf sukan di negara ini segala rancangan adalah dibentuk ke arah menanam semangat Perpaduan dan melahirkan semangat Kebangsaan Malaysia.

Untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan dan

Negeri dihubungi menerusi dialog-dialog dan seminar-seminar bagi membaharui "approach" terhadap gerakan sukan di negara ini selaras dengan pelancaran Gerakan Pembaharuan.

Rancangan-rancangan perkembangan sukan akan disusun dengan secara bersistem dan progresif untuk membolehkan semua lapisan rakyat menikmati cara hidup yang sihat dan cergas. Konsep yang membayangkan sukan adalah hak kepunyaan satu-satu kaum atau satu-satu lapisan rakyat hendaklah dihapuskan dan diganti dengan konsep Penyertaan Beramai-ramai. Dalam konsep ini semua lapisan rakyat dan semua peringkat umur akan dapat bergaul, bermain dan bertanding sebagai satu keluarga.

Dalam 1973 ini tiap-tiap sukan akan mengadakan kursus untuk jurulatih di semua peringkat. Daripada gulungan jurulatih tersebut dapatlah latihan-latihan cara baru dimulakan di semua peringkat dan di kawasan bandar dan juga luar bandar. Dalam masa 2 atau 3 tahun ini dengan tertubuhnya kumpulan jurulatih yang aktif dan progresif, emphasis atas "quality" akan dapat diusahakan, dan dengan secara berperingkat taraf permainan-permainan kita akan dapat diperbaiki dan dipertinggikan lagi.

Satu kajian selidik berkaitan dengan kemudahan-kemudahan sukan akan dijalankan juga. Keperluan-keperluan riadah dan sukan akan dapat ditentukan mengikut keutamaan. Langkah-langkah positif perlu disusun dan akan disusun untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk menampung keperluan penduduk-penduduk yang akan berlipat ganda bilangannya pada masa hadapan.

Untuk menjamin masa hadapan yang cerah Kementerian ini selain daripada bekerja rapat dengan ajensi-ajensi sukan di negeri ini akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Pembangunan.

Hasil daripada penubuhan Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah satu struktor sukan telah ditubuh dan melalui struktor ini perkembangan dan pembangunan sukan bukan sahaja akan diusahakan oleh badan-badan sukarela tetapi akan diturut dan dibantu oleh pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat. Kedudukan ini bukan sahaja menjamin penyertaan sukan di luar bandar tetapi merupakan satu lambang kekuatan sukan di negara kita ini.

Saya yakin penyusunan sukan dalam tahun 1973 ini merupakan satu usaha yang positif ke arah menyertai pembinaan masyarakat Malaysia yang sanggup dan boleh menghadapi cabaran-cabaran masa yang akan datang.

RANCANGAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN

Perlu disebutkan juga tentang penambahan bilangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini di Ibu Pejabat hinggalah ke peringkat daerah yang mana bilangannya meningkat dari 654 orang dalam tahun 1972 kepada bilangan 701 orang dalam tahun 1973. Adalah diharapkan dengan adanya pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup, khususnya di peringkat negeri dan daerah, maka segala aktiviti dan rancangan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dapat diselenggarakan lebih memuaskan dan berkesan lagi dari tahun ke tahun.

Menyentuh tentang Kepala Pembangunan 17, Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak $2,213,540 bagi tahun 1973. Kementerian ini bercadang untuk meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunannya yang telah dirangka untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua iaitu dengan membina empat lagi Pusat-pusat Pelbagaiguna Negeri iaitu di Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Melaka.

Dengan terbinanya Pusat-pusat Pelbagaiguna ini di tiap-tiap buah negeri di Malaysia Barat dan Malaysia Timur Kementerian berharap hasrat Kerajaan untuk mengujudkan perpaduan kebangsaan disamping membantu memperbaiki taraf kebajikan belia dapat mencapai kejayaannya.

Usaha selanjutnya untuk memperbesarkan lagi Pusat Latihan Belia Dusun Tua selaras dengan strateji Kementerian ini untuk memperbaiki dan mempertinggikan taraf latihan vokesyenal dan disiplin kepada belia-belia lepasan sekolah akan terus dilaksanakan dalam tahun 1973 dengan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan tempat latihan dan alat-alat kelengkapan latihan yang lebih moden.

Kementerian juga merancang untuk membina sebuah Panggong Negara dalam mana

dijangkakan dapat dijalankan pelaksanaannya dalam tahun 1973 ini. Kompleks ini adalah merupakan infrastructure untuk memberi kemudahan-kemudahan menggalak dan memupuk dan memperkenalkan konsep kebudayaan kebangsaan. Jurubina Kementerian Kerjaraya dan Tenaga sedang membuat "working drawing" secara detail dan seorang pakar perunding akan dihantar atas biayaan UNESCO selama 2/3 bulan untuk membantu jurubina dalam melaksanakan kompleks tersebut dalam tahun ini.

MUZIUM

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh serba sedikit tentang peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 18 dan Kepala Pembangunan P. 18 yang mana terletak di bawah Kementerian ini.

Objektif terpenting yang didukung oleh Muzium dalam melaksanakan rancangan-rancangan ialah untuk menyebarkan pengetahuan tentang kekayaan warisan kebudayaan tradisional serta menyelamat dan memelihara harta-harta kebudayaan negara. Untuk mencapai objektif ini, Muzium mengadakan pamiran-pamiran, penyelidikan, pungutan dan menjalankan kerja-kerja menggali kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan-kawasan yang bersejarah untuk mencari kesan-kesan peninggalan zaman. Sebuah unit penyelidikan dan ukur mengukur kaji purba negara telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian tentang bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan yang bersejarah di negara ini. Penyelidikan yang dijalankan di Melaka dan Pulau Pinang telah disiapkan dan dalam tahun 1973, unit ini akan meneruskan penyelidikannya di negeri-negeri yang lain. Dibawah program penyelidikan ini, Muzium akan berusaha memperoleh contoh-contoh rumah tradisional yang penuh dengan ukiran dan rekabentuk yang indah dengan mempunyai latarbelakang sejarah dari setiap buah negeri di Malaysia. Rumah-rumah ini akan didirikan semula di sekitar kawasan Muzium Negara. Setakat ini sebuah istana lama di Trengganu telah diperolehi untuk rancangan ini.

Satu rancangan untuk membungkar, membina semula dan memelihara beberapa kawasan dan bangunan yang bersejarah di Lembah Bujang, Kedah yang telah berjalan sejak beberapa tahun yang lalu masih dijalankan dengan pesatnya dan empat kawasan yang bersejarah di Lembah itu telah digali dan dua candi telah dijumpai.

Rancangan selanjutnya yang akan dijalankan dalam tahun 1973 ini ialah penubuhan Muzium Kawasan (site muzium) di kawasan-kawasan bersejarah, di mana bahan-bahan warisan kebudayaan tradisional akan dipamirkan.

Sebuah galeri baharu di Muzium Negara iaitu Balai Kegiatan Ekonomi Malaysia telah dibuka dengan rasminya pada bulan Disember 1972 yang lalu dan rancangan memperbaiki Muzium Perak sedang giat dilancarkan dan dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1973. Di samping itu juga muzium akan menjalankan rancangan kerjasama di antara negara-negara jiran di Asia Tenggara dalam bidang penyelidikan dan teknik.

Pada keseluruhannya kedua-dua peruntukan Bekalan dan Pembangunan yang diperlukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1973 hanya memperlihatkan tambahan biasa sahaja.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengsyorkan sekali lagi supaya peruntukan-peruntukan di bawah Kepala Bekalan 17 dan 18 dan Kepala Pembangunan 17 dan 18 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam Perbekalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menyokong penuh terhadap perbekalan yang telah diuntukkan dalam Kementerian tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Kepala B. 17 Aktiviti (3) dan (4) dan juga Kepala B. 18.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menggalakkan Pusat Pelbagaiguna iaitu bagi memberikan perkembangan latihan-latihan kepada belia-belia di seluruh negara di negeri-negeri dalam Malaysia ini, saya rasa amat elok, dan kita mengharapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Pusat-pusat Pelbagaiguna yang dicadangkan terutama sekali yang disebutkan tadi iaitu akan diadakan di Melaka, maka kita mengharapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat memberikan peruntukan-peruntukan ataupun alat-alat

latihan kepada pusat yang disebutkan itu tadi benar-benar merupakan satu alat ataupun perkakas ataupun juru latih yang benar-benar boleh menarik minat kepada keseluruhan belia-belia yang menerima latihan-latihan itu. Mudah-mudahan dengan adanya latihan-latihan dan perkakas-perkakas yang baik ataupun alat yang moden ini, maka bagi pihak belia menambahkan kecendurungannya dan saya mengharapkan alat-alat yang dibuat itu hendaklah ditambahkan masanya, kalau dalam rancangan latihan-latihan itu diadakan enam bulan, saya fikir hendaklah ditambah menjadi satu tahun supaya belia-belia yang mengambil latihan ditempat-tempat yang akan diadakan itu benar-benar sebagai seorang belia bila mana menerima latihan dan keluar daripada pusat latihan itu dengan tujuan supaya belia-belia itu dapat menerima satu pekerjaan walaupun di mana dia masuk samada dalam bidang jabatan Kerajaan ataupun dalam bidang indastri. Dengan ini saya sungguh mengharapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya jangan diadakan latihan-latihan sebagaimana yang sudah iaitu ada setengah-setengah belia bersungut kerana alat-alat perkakas latihan itu tidak cukup sebagaimana yang dikehendaki.

Saya sungguh mengharapkan supaya latihan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini memberi puas hati kepada belia dengan tujuan hendak menggalakkan daripada belia-belia yang menerima latihan vocational dan latihan kemahiran ini ertinya sesudah dia menerima latihan itu maka dia tidak juga mendapat pekerjaan sebagaimana yang ditujukan. Dengan adanya latihan-latihan ini sebagai mengelakkan daripada belia-belia di masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh dalam masaalah B. 18 berhubung dengan Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sepatutnya berhubung dengan Muzium di negara kita ini ditambah dan diadakan beberapa penyiasatan terutama sekali mencari bahan-bahan purba-kala yang menunjukkan asal-usul ataupun berbagai-bagai perkara yang menunjukkan pahlawan negara ataupun bakat-bakat ataupun perkakas-perkakas purba-kala di zaman dahulu sebagai menunjukkan teras kebudayaan negara kita ini kepada pemuda-pemuda ataupun jenerasi-jenerasi yang baharu kepada alat-alat itu sebagai mengenal bukanlah negara kita ini tidak ada mempunyai alat-alat yang boleh menunjukkan sebuah negara yang berdaulat pada masa-masa yang lalu.

Di samping itu suka saya menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu walaupun negara kita telah ada mempunyai Muzium Negara, tetapi saya mengharapkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dapat juga mengadakan muzium di tiap-tiap buah negeri, terutama sekali yang suka menarik perhatian pada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu di Melaka adalah sebuah negeri yang tua, rasa saya, mengikut di dalam sejarah negara kita ini. Jadi dengan ini kita mendapat tahu iaitu di Melaka sana ada rumah yang tua juga dan rasa saya banyak benda-benda ataupun perkakas-perkakas umpamanya benda-benda dan bekas-bekas Kerajaan Melayu Melaka, ada setengah-tengahnya barangkali yang dapat dijumpa, dikesan di dalam bumi.

Ini saya fikir eloklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kita supaya dapat membiayai ataupun membina, memberikan pertolongan supaya muzium yang dicadangkan dan diura-urakan bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka ataupun bagi pihak penduduk negeri Melaka itu dapat diadakan.

Dan disamping itu, saya suka juga mengemukakan pada pihak Kementerian dan Kerajaan iaitu perlu juga disamping kita mencari bahan-bahan lama sebagai memberi petunjuk kepada jenerasi baharu, tetapi di Melaka saya suka meminta kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu ada satu makam yang perlu rasa saya kita bina ataupun kita ambil perhatian iaitu "Makam Hang Jebat". Kalau kita perhatikan tidak kurang juga Hang Jebat adalah salah seorang pahlawan Melayu Melaka.

Kita hanya kenal dengan gambar yang merupakan Hang Tuah yang ada di Muzium Negara sekarang, tetapi "Makam Hang Jebat, yang ada di Melaka ini kalau kita tengok amatlah sedih iaitu di Jalan Gelang-gang, tertinggal tidak ada mempunyai pembinaan. Dengan ini saya sungguh mengharapkan lain daripada muzium yang perlu juga kita adakan di negeri Melaka dengan berbagai-bagai perkakas yang kita akan penuhkan sebagai menunjukkan sebuah negeri yang tua dan berdaulat pada masa yang lalu. Tetapi Makam Hang Jebat ini juga perlu diberikan

satu peruntukan untuk membina, mudah-mudahan dengan ini sebagai pahlawan yang tidak kurang juga, rasa saya, pembelaannya kepada negara yang tua pada masa dahulu, maka supaya dapat dikenang oleh pemuda-pemuda jenarasi yang baharu ini sebagai menambahkan semangat kepada pemuda-pemuda iaitu bukanlah sebagai Hang Tuah sahaja Pahlawan Negara, tetapi Hang Jebat juga tidak ketinggalan sebagai sahabatnya membela dan Pahlawan Negara pada masa yang ialu. Maka dengan ini, saya mengharapkan sungguh-sungguh, mudah-mudahan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memberikan suatu peruntukan supaya dapat membina Makam Hang Jebat itu supaya dapat pemuda-pemuda mengenang benar-benar dan mudah-mudahan dengan ini iaitu bila mana pembinaan Makam Hang Jebat yang ada di Jalan Gelanggang, Melaka ini dapat diadakan, dapat dijalankan, maka barangkali banyak pelancung-pelancung daripada seluruh negeri dan luar negeri juga dapat melihat Makam Pahlawan Melayu yang gemilang di masa dahulu di dalam negeri yang tua iaitu di Melaka.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya tidak hendak mengambil peluang yang banyak kerana ada banyak lagi barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil bahagian, maka akhirnya saya mengharapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan benar-benar dapat mengadakan ataupun mencetuskan satu kebudayaan national sebagaimana yang dikatakan di dalam ucapannya itu tadi sebagai kebudayaan lambang kemerdekaan negara. Mudah-mudahan dengan adanya kebudayaan national ini dapat diwujudkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, maka dengan ini, rasa saya, negara kita juga tidak ketinggalan daripada negara-negara lain iaitu dapat menunjukkan kebudayaan negara kita sendiri kepada bangsa-bangsa di dalam negara dalam dunia ini.

**Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian mengenai Kepala B. 17, muka 151, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) (ii)—Latihan Belia. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi:** Jangan bercakap panjang-panjang, tolong pendekkan ucapan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Loh Jee Mee:** (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to caution the Government on the problem of drug-taking by our youths today. Some people are of the opinion that it is inevitable because of the trends of the day—development and urbanisation. Because of this, we have in our midst the fashions of the day—the mini, the maxi, the see-through dress, etc. and of course the sex films which are also the trend of the day. It is here, Sir, that I wish to compliment the Government for banning hippies from coming into our country; hippies can also be considered as a fashion of the day in their own way.

We have a number of youth training programmes in our country but I feel that it is not enough. The danger that lies in our society is unemployment, the school drop-outs, especially the LCE failures, and youths without proper recreation and game facilities, etc., can easily, if in the wrong company, be influenced by these deadly drugs and on this I would like to caution the Government and hope that the day will not come when we will have to pass legislation against youths taking drugs, etc., etc.

**Tuan Pengerusi:** What are these etcetera, etcetera?

**Tuan Loh Jee Mee:** It is only the examples, Sir.

**Tuan Pengerusi:** Not very clear examples, are they?

**Tuan Loh Jee Mee:** I wish to touch on item (4)—Sports. I have a few points to be raised and I hope the Ministry will take note of them. We are once again preparing for the Thomas Cup tie against Thailand tentatively scheduled to be played in Thailand sometime next month and a lot of money and effort have been expended towards this. Perhaps as a result of our poor showing at the last finals and the close shave we have had with Japan in the current series, it is time we sat back and asked ourselves some very pertinent questions regarding this game. We are fielding about the same team that we fielded four years ago. Countries like Indonesia had been spending the last three years preparing for the present series. In other words, immediately after the Indonesians had retained the Cup they started preparation again, whereas we, one-time champions, are in the habit of getting ready and putting our boys through a

stint of severe training only at the eleventh hour and pleading with a somewhat reluctant coach at virtually the last minute.

Sir, either we take this sport seriously or forget it and save the taxpayers money. I, for one, am of the candid opinion that we pick a new squad of promising youngsters like Raja Shukri, James Selvaraj and the like and begin training months ahead of the next tournament if Malaysia is again to rule the badminton world. What I am trying to stress is that the Ministry should draw up a long-term programme not only for badminton but for other sports as well because, as I observe here, the money allotted—$122,000 for sports promotion and $68,000 for sports training—is far below the required provision.

It is somewhat humorous to read in the local newspapers that a certain ex-badminton star who was originally dropped from this year's squad was given a chance to make a come-back because, according to the B.A.M. President, this player had written a very touching letter again asking to be included in the team. The B.A.M. President further amused badminton fans by saying that the player had kept himself fit by playing golf. Sir, you know what golf is and you know what badminton is and if a player were to attain a standard of international level, I am sure the type of golf one plays is not enough for that sort of standard.

If writing touching letters and playing golf are the basis of selection into the national team, then it is time that we stopped wasting money. A substantial slice of this year's Budget is going towards the promotion of sports and I would strongly urge the top brass of the Ministry to ensure that every dollar is well spent.

We have several supreme sport bodies, including a Ministry, to promote and organise sports in our country. Such a well-planned organisation should ensure that the various sports bodies go about the promotion of the respective sports in a systematic manner. It is the duty of this Sports Ministry as well as the National Sports council to check from time to time on the programmes of the various sports bodies and keep track of the progress made. It is only in this way can we ensure the improvement of sports in this country.

While on this subject, I might as well add that Malaysia is perhaps the only country in the world where most, if not all, the top-posts in national sports bodies are held by Ministers, including the Honourable Prime Minister. How and when our Ministers would find the time to attend to sports activity seriously and do a good job out of it beats me.

It is of interest to note that certain sports, for instance, those that are crowd-drawing and revenue-bringing, like soccer, are being given all the encouragements and support while others like hockey, rugby, cricket, etc. are somewhat neglected, particularly rugby and cricket. Perhaps the fine performance of our hockey team at the recent Munich Olympics, which fared better than the much publicised soccer team which even took along a tiger cub. Tuah, as its mascot, has helped open the eyes of many Malaysians that, given the same backing as that given to soccer, our hockey team can emerge as one to be reckoned with in the entire world. The same applies to other sports and it is my hope that the new year will see all the sports in the country receiving a fair share of support and backing, financially and otherwise, from the Ministry.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Pengerusi, saya bangun. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tolong pendekkan ucapan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Insya Allah, Tuan Pengerusi, saya cuba. Tuan Pengerusi, saya bangun memberikan sokongan atas anggaran perbelanjaan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini. Saya cuma hendak sentuh dari bahagian Kebudayaan iaitu usaha pertama telah dapat diperhatikan dengan terdapatnya pegawai-pegawai yang khas di bidang tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang bersungguh-sungguh hendak melahirkan satu kehasilan yang diiktiraf keperibadian kebangsaan supaya diambil dan diikuti oleh seluruh rakyat dengan memperkenalkan kebudayaan Malaysia di luar negeri juga termasuk dalam negeri.

Tentulah sukar melahirkan kebudayaan ini dengan sekali gus kerana memakan masa

yang lama. Tetapi satu-satu yang hendak dilahirkan seperti dalam bidang binaan, seni tulisan di papan kedai, seni tari, seni drama, seni muzik, seni lukisan, seni pentas, seni photo, seni sastera, seni pakaian, seni adat-istiadat. Ini semua sukar hendak dilahirkan dalam negeri ini. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara ini tidak menyegarkan pihak Kerajaan hendak mengusahakan supaya ujudnya kebudayaan Malaysia.

Saya perhatikan, Tuan Pengerusi, satu perkara yang kita dapat contohkan rakyat negeri ini kita minta dengan rela hati supaya menerima corak-corak seni yang saya cakapkan tadi yang berbentuk Malaysia. Satu perkara yang tidak menyegarkan kebudayaan nasional kita dalam kita sibok-sibok memperkatakan kebudayaan ini telah terbangunlah satu bangunan di sebuah tempat iaitu di Genting Highlands iaitu bangunan yang berbentuk naga yang sama bangunan ini bentuknya dengan bangunan yang ada di Macao dan tempat inilah juga yang suka dilawat oleh pelancung-pelancung luar negeri. Jadi kalau pelancung datang ke tempat itu bahawa mereka memikirkan Malaysia ini sama kebudayaannya dengan Macao dan boleh jadi negeri ini satu haluan, satu kebudayaan dengan kebudayaan Macao. Jadi saya harap pada masa yang lagi akan datang sesiapa juga yang hendak membuat bangunan-bangunan dalam negeri ini supaya memikirkan bangunan itu yang berbentuk seni kebudayaan, seni binaan Malaysia sebagai mereka itu dengan rela hati menerima rakyat negeri ini, duduk dalam negeri ini, makan minum dalam negeri ini. Jadi kalau binaan yang macam ini kita kekalkan, kita teruskan juga tidak segar kebudayaan kebangsaan kita.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, Kerajaan kurang mempertahankan filem-filem yang ditayangkan dalam negeri ini bukan sahaja filem-filem yang berupa lucah—filem X. Filem ini mempengaruhi belia-belia kita ini hingga belia kita ini tak ada lagi kebudayaan keperibadian kebangsaan Malaysia. Dengan pakaiannya, dengan bercampur-gaulnya, dengan tingkahlakunya kasar, dengan rambut panjangnya—saya minta maaf kalau ada yang berambut panjang dalam Majlis ini. Jadi masaalah ini, Tuan Pengerusi, kalau kita biarkan filem-filem ini diperluaskan untuk dituntun oleh rakyat dalam negeri ini, ini juga akan merosakkan penyegaran kebudayaan nasional kita. Saya bukan menghalang, ini masaalah hiburan barangkali semua orang suka hendakkan hiburan termasuk saya, tetapi filem-filem yang macam ini supaya dikurangkan. Bukan kita hendak sekat filem X, filem lucah tetapi bila kita hendak sekat sekarang makin menjadi-jadi. Kalau dahulu kita nampak sekerat, sekarang sudah habis terus. Saya baharu dua malam tengok dengan dibawa oleh kawan, terus-terus ditunjukkan, Tuan Pengerusi, fasal hendak tengok macam mana lucahnya. Jadi filem yang macam ini, Tuan Pengerusi, memang digemari oleh orang ramai dan kalau boleh Kementerian yang berkenaan ini dalam Lembaga Penapis Filem itu dihadkan, jangan diberi dia berleluasan.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh dalam masaalah Pusat Latihan Belia. Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, saya berterima kasih Negeri Johor akan diadakan Pusat Latihan Peringkat Negeri dan tempatnya telah ada iaitu bekas tempat latihan askar hutan di Kulai. Saya berharap Kementerian ini supaya bersungguh-sungguh dan menyegerakan mengadakan pusat ini untuk melatih belia-belia kita dalam Negeri Johor khasnya. Dalam latihan di Dusun Tua ini ada bermacam-macam latihan diberi kepada belia-belia kita termasuk dalam bahagian pertukangan, pertanian, tetapi saya minta Kementerian ini bersungguh-sungguh bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya menyerahkan satu bahagian peruntukan tanah kerana belia yang berjumlah peruntukannya $45 juta duduk di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Yang saya mahu tanah ini, peruntukan ini diletakkan dalam Kementerian belia supaya belia boleh mengusahakan. Belialah yang menghantar anak-anak kita daripada umur 17 tahun hingga 23 tahun yang belum berkahwin di bawah arahan dan rancangan belia. Jadi dengan keadaan yang macam ini belia dan rakyat dalam negeri ini melihat yang Kementerian telah membuat satu kajian yang mendatangkan ekonomi kepada belia-belia kita. Saya tahu Kerajaan akan membuka tanah ini pada tiap-tiap tahun 15,000 ekar hendak diberikan kepada belia, tetapi yang menjaga menguruskan masaalah kemasukan ini bukan belia. Jadi kita berilah belia ini bertanggungjawab kepada Kementeriannya menjadi amalan kepada Kerajaan ini ada bahagian-bahagian

itu dibahagi-bahagikan Kementerian. Jadi saya harap berhubung dengan tanah belia ini diberi kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab saya hormati arahan daripada Tuan Pengerusi supaya bercakap pendek, saya ingin menyentuh mengenai Muzium Negara—B. 18. Jadi sekarang sebuah negeri Malaysia yang masyur dengan keadaan kawasan muzium yang macam itu sangat tak sesuai. Saya harap Kerajaan mencari satu usaha membeli tanah meluaskan Muzium Negara itu dengan sifat-sifatnya sebagai muzium kebangsaan. Selain daripada itu bila tanah ini sudah dibeli bahawa hendaklah dijadikan rumah-rumah negeri yang dalam Malaysia ini, diadakan rumah-rumah di atas kawasan itu rumah-rumah negeri dalam Malaysia ini hendaklah dinyatakan negeri-negeri itu keadaan hidup rakyat sebelum dijajah oleh penjajah. Satu lagi kehidupan rakyat dalam masa penjajahan, satu lagi kehidupan rakyat selepas merdeka dan di rumah-rumah negeri yang saya sebutkan itu kita tunjukkan usaha-usaha yang dibuat oleh negeri itu tentang perusahaan, pertukangannya, hasil-mahsolnya, adat resam dan kebudayaan supaya dapat melambangkan rumah itu betul rumah Negeri Kelantan umpamanya, rumah itu betul rumah Negeri Johor. Jadi Pelancung-pelancung yang datang ke Muzium Negara kita itu tertarik hati, dia sudah tengok dekat rumah Kelantan macam ini hebat dan baik dia akan pergi ke Kelantan. Dengan keadaan yang macam ini, saya fikir pihak Muzium Negara patut memikir dan menimbangkan masaalah yang telah saya cakapkan itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai isi khazanah dalam Muzium Negara. Tadi Ahli Yang Berhormat telah mengatakan kita hendak isikan dengan berbagai barang lama, tetapi di muzium itu hanya dapat menunjukkan 200 lebih jenis burung di Malaysia ini, pada hal kita di Malaysia ini ada 500 lebih jenis burung. Jadi saya harap burung-burung yang ada di Malaysia juga patut dipamirkan di Muzium Negara kita, termasuklah juga binatang-binatang yang ada riwayat. Baharu-baharu ini Tuhan telah menghantarkan ikan paus di kawasan perairan kita, Tuan Pengerusi, tetapi malangnya ikan paus itu dibom, dibakar. Sepatutnya ikan paus yang dihantar oleh Tuhan ini kita ambil tulangnya dan dimasukkan ke dalam muzium. Jadi ini satu khazanah muzium, ini Tuhan bagi kepada kita, tetapi kita bakar. Jadi, saya harap kalau lagi akan datang ada gajah yang besar-besar atau barang-barang yang istimewa kita jadikan khazanah, walaupun tak masyur pada masa ini tetapi lepas kita, anak cucu kita perkara ini akan menjadi satu kenangan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kawasan-kawasan sejarah dalam tanahair kita ini banyak, tetapi Kementerian ini baharu hendak mulakan. Tempat bekas-bekas yang lama yang ada dalam negeri kita ini macam-macam pemerintahan yang kita sudah rasa. Pemerintahan Siam, pemerintahan Sri Vijaya, pemerintahan Majapahit, pemerintahan Bintang Tiga pun ada—macam-macam pemerintahan. Semua perkara-perkara itu ada menunjukkan sejarah kepada negara kita ini untuk ingatan anak-anak kita yang lagi akan datang. Saya fikir itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat katakan.

**Tuan Mokhtar bin Hashim:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya percaya di antara teguran yang berguna itu akan menjadi catitan kepada Kementerian ini untuk membantu pihak Kementerian ini dalam melaksanakan rancangan-rancangannya untuk tahun 1973. Walaubagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa ada kekeliruan tentang tujuan kita membina Pusat Pelbagai Guna iaitu tujuan utama bagi Kementerian ini membina Pusat Pelbagai Guna ialah sebagai suatu tempat mengadakan kemudahan bagi belia-belia dan juga masyarakat tempatan mengadakan pertunjukan kebudayaan dan juga kegiatan lain yang mungkin hendak diadakan di mana-mana kawasan. Jadi tidak semestinya Pusat Pelbagai Guna itu semistinya dijadikan satu Pusat Latihan Kemahiran.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah menyebutkan tentang Pusat Pelabagai Guna yang akan diadakan di Melaka dan ini adalah bercorak seperti yang saya katakan tadi dan bukan untuk pusat latihan kemahiran.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang ada menyebutkan tentang drug taking. Di sini satu Biro telah ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan sendiri iaitu Biro Narkotik dan Kementerian saya akan bekerjasama dengan Biro ini

tentang mengawasi belia-belia dalam hal drug taking atau pun madat itu. Seperkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga ialah tentang kegiatan sukan di negara kita ini, terutamanya dalam permainan badminton. Sememangnya Kementerian, Belia dan Sukan sedar perkara ini dan dengan tertubuhnya Majlis Sukan Negara, Kementerian ini berharap Majlis Sukan Negara ini dapat mengawasi segala Pergerakan badan-badan sukan di negara kita ini dan oleh sebab itu pada bulan Oktober, 1972 satu Jawatankuasa Persiapan Pertandingan Kebangsaan telah dibentuk yang mana Jawatankuasa ini akan mengambil perhatian penuh tentang segala persiapan untuk mana-mana Pasukan Kebangsaan yang akan menghadapi pertandingan di peringkat antarabangsa. Untuk permulaannya bagi negara kita yang akan menghadapi sukan SEAP pada bulan September di Singapura nanti, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali dan mengarahkan badan-badan sukan di negara ini untuk menyiapkan jadual latihan yang disusun bermula daripada bulan Januari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyentuh tentang kebudayaan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri sedar bahawa kebudayaan adalah suatu perkara yang hidup dan tidak dapat dipaksa, tetapi walaubagaimanapun Kementerian ini akan sentiasa mengawasi perkembangan kebudayaan supaya dapat disalurkan kepada pembentukan satu kebudayaan kebangsaan seperti yang telah dikatakan dan juga dibentangkan pada masa-masa yang sudah samada dalam Parlimen atau pun di tempat-tempat yang lain oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang mendirikan di Muzium Negara satu bangunan yang boleh melambangkan bangunan yang terdapat di negara-negara lain. Ini sememangnya telah dirancangkan untuk tahun ini dan satu kawasan akan diperuntukkan di sekitar Muzium supaya satu bangunan dapat diadakan untuk tiap-tiap Negeri yang terdapat di Malaysia ini dan juga segala rekabentuk kebudayaan yang terdapat di negeri-negeri tersebut dapat diadakan dalam rumah atau pun bangunan kecil itu nanti di kawasan sekitar Muzium Negara itu.

Akhirnya, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan tentang makam Hang Jebat, Kementerian ini akan menyiasat perkara ini dan juga tentang hal yang lain berupa rayuan dan teguran yang telah dikemukakan tadi, Kementerian akan mengambil perhatian tentang teguran-teguran itu dan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran tadi dan akhirnya saya ingin mengemukakan supaya peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Kepala 17 dan 18 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $8,253,321 untuk Kepala B. 17; $727,400 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan $2,213,540 untuk Kepala P. 17 dan $277,800 untuk Kepala P. 18 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

*Kepala B. 19 dan P. 19—*

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Biasa di bawah Kepala B. 19 berjumlah $578,868,800 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 19 berjumlah $101,281,000 diluluskan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mungkin telah maklum bahawa jumlah yang dimintakan untuk Perbelanjaan Biasa Pertahanan bagi tahun 1973 menunjukkan penambahan sebanyak $173,439,825 sementara Anggaran Pembangunannya terdapat berkurangan $83,433,277. Apabila dibandingkan dengan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1972, penambahan yang begitu besar dalam Anggaran Perbelanjaan Biasa bagi tahun 1973 adalah disebabkan pemindahan perbelanjaan sebanyak $162,616,000 untuk pembelian setor-setor dan kelengkapan, yang pada masa yang lalu dibeli di bawah perbelanjaan Pembangunan kepada Perbelanjaan Biasa. Pada masa yang lalu segala perbelanjaan yang melibatkan jumlah wang yang banyak dimasukkan di bawah Anggaran Pembangunan dengan tidak menimbangkan sama perbelanjaan tersebut sebenarnya bagi pembangunan atau pun menggantikan alat biasa.

Keadaan sekarang lebih mengutamakan peruntukan pembangunan digunakan bagi projek-projek yang ekonomik ataupun

projek-projek yang agak kekal serta membawa keuntungan dan bukan untuk membeli kelengkapan-kelengkapan yang perlu diganti dari masa kesemasa.

Bagi Kementerian Pertahanan Anggaran Pembangunan peruntukan yang sekarang ini dihadkan kepada perbelanjaan untuk pembelian tanah dan bangunan sahaja dan juga untuk perbelanjaan kelengkapan yang diperolehi menerusi bantuan atau pinjaman-pinjaman dari Kerajaan asing.

ANGGARAN PERBELANJAAN BIASA

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Biasa yang berjumlah $578,868,800 bagi tahun 1973. Anggaran Perbelanjaan Biasa Kementerian Pertahanan telah dibahagikan kepada 5 aktiviti yakni Pentadbiran Pertahanan, Perkhidmatan Tentera, Perkhidmatan Lojistik, Latihan dan akhirnya Penyelidikan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya meminta izin sekarang menerangkan dengan secara ringkas perlaksanaan tiap-tiap aktiviti berhubung dengan peruntukan yang dikehendaki:

(1) *Pentadbiran Pertahanan*

Aktiviti pentadbiran pertahanan meliputi tugas-tugas Bahagian Awam dan tugas-tugas Bahagian Tentera dalam Kementerian Pertahanan. Sebagai pentadbiran pusat, tugas utama Kementerian ini melibatkan semua dasar dan peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran pertahanan. Tugas-tugas pentadbiran di bawah aktiviti ini sudah semesti bertambah selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera. Untuk mencapai hasrat Kerajaan membaiki prospek kehidupan di dalam Bahagian Awam bagi bekas angguta tentera, perkembangan di dalam Bahagian Hal Ehwal Bekas-bekas Angguta Tentera di Kementerian Pertahanan telah diutamakan untuk membolehkan Bahagian ini berjalan dengan cekap, tugas mengaturkan latihan vokesyenal yang sesuai bagi angguta tentera yang akan bersara. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Boleh disambung semula pada hari Isnin.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Dewan ditangguhkan pada hari Isnin, 22hb Januari, 1973, pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*